

**Dato' Abdullah Ahmad**  
**KETUANAN**  
**MELAYU**



**Dato' Abdullah Ahmad**  
**KETUANAN**  
**MELAYU**

**Oleh: Kadir Abadi**



**GATEWAY PUBLISHING HOUSE**  
Kuala Lumpur, 1987

## GATEWAY PUBLISHING HOUSE

No. 11-3, 2nd Floor, Jalan 1/64A, Udarama Complex,  
1st Mile, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2935227, 2935229

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan ke dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik Hakcipta terlebih dahulu.

ISBN 967-75-0016-3

© Kadir Abadi, 1987

m  
305.89923  
DAT

530908

Rekabentuk Kulit oleh AMW Communications Management  
Dicetak oleh United Selangor Press Sendirian Berhad  
Colour Separation oleh Lithotesco Colour Sdn. Bhd.

27 JUN. 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## **KANDUNGAN**

---

<b>1. MENGAPA BUKU INI DITERBITKAN?</b>	<b>1</b>
<b>2. KETUANAN MELAYU</b>	<b>5</b>
<b>3. KEPIIMPINAN MELAYU</b>	<b>22</b>
<b>4. MASA DEPAN ORANG MELAYU</b>	<b>51</b>
<b>5. DASAR-DASAR PERKAUMAN MELAYU</b>	<b>59</b>
<b>6. DEB DASAR PILIH KASIH</b>	<b>64</b>
<b>7. REAKSI ORANG CINA</b>	<b>71</b>
<b>8. REAKSI ORANG MELAYU</b>	<b>87</b>

---

## **MENGAPA BUKUINI DITERBITKAN?**

Sambutan dan sahutan rakyat terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad, Ahli Parlimen Kok Lanas, yang kontroversial di Singapura itu adalah diluar dugaan sama sekali. Dari reaksi orang-orang Cina maka ternyata perhubungan kaum di negara ini bukanlah satu perkara yang boleh diberi layanan sambil lewa. Kecaman-kecaman para pemimpin Cina dan golongan intelektual mereka jelas dituju bukan kepada Dato' Abdullah Ahmad semata-mata, bahkan kepada para pemimpin Melayu, kepada UMNO, kepada kerajaan dan kepada semangat kebangsaan Melayu.

Malangnya, orang Melayu tidak dapat menilai dengan betul perasaan dan sikap orang Cina. Mereka tidak berpeluang membuat perincian secara tepat sikap jangka panjang orang-orang Cina terhadap mereka. Oleh kerana pandangan dan kritikan orang Cina lebih banyak disiarkan dalam akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, maka reaksi orang Melayu terhadap sikap dan pandangan orang Cina tidak begitu jelas.

Orang Melayu pada umumnya seolah-olah tidak mengetahui apa yang berlaku di sekeliling mereka, bagaimana perasaan orang Cina terhadap mereka, apa pandangan mereka (orang Cina) terhadap dasar-dasar yang digubal dari dewan-dewan mesyuarat UMNO dan sebagainya.

Oleh kerana kebanyakan orang Melayu tidak begitu tahu apa yang berlaku di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu, Seremban dan lain-lain, dimana sebahagian besar dari reaksi orang Cina itu terbit, seperti yang terlihat dalam ruangan 'Surat Pembaca' akhbar-akhbar itu, maka dalam buku ini saya senaraikan sebahagian daripadanya, disamping sahutan orang Melayu dan para pemimpin mereka sendiri terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad itu, lebih-lebih lagi terhadap kritikan orang Cina yang ditujukan kepada kerajaan mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan DEB, kuasa politik dan, yang paling penting, perjanjian atau 'Kontrak Sosial' tahun 1957.

Sebagai latarbelakang kepada ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura pada 30 Ogos 1986 itu, beberapa bulan sebelum beliau memberi ucapan berkenaan di Singapura masyarakat Melayu telah pun memerhati dengan ghairah dan teliti kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh para pemimpin Cina dan penyokong-penyokong mereka mengenai DEB. Tidak siapa yang sedar terhadap kenyataan-kenyataan para pemimpin Cina ini yang tidak mengatakan kenyataan-kenyataan mereka itu

tidak keras. Malah, kenyataan-kenyataan tersebut merupakan amaran kepada UMNO dan orang-orang Melayu.

Sekali lagi, malangnya, tiada seorangpun orang Melayu, lebih-lebih lagi intelektual universiti dan para cendikiawan Melayu yang menganggap ianya cukup berat untuk dipikul oleh orang Melayu. Tiada seorangpun yang berani mengangkat jari untuk menghujah balas tikaman-tikaman tajam para pemimpin Cina itu.

Sekali lagi, mungkin kerana kenyataan-kenyataan para pemimpin Cina itu tersiar dalam akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, maka orang Melayu nampaknya seolah-olah tidak mengetahui apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Saya berharap orang Melayu khususnya bukan saja mendapat faedah dari buku ini, bahkan dapat mewujudkan satu perspektif yang jelas mengenai ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura itu. Yang lebih penting dari itu ialah agar kesedaran, kewaspadaan dan keinsafahan akan diikuti oleh tindakan drastik dan tegas tanpa merayu lagi kepada tolak-ansur dan 'perjanjian suci'.



## KETUANAN MELAYU\*

SAYA yakin anda tidak meminta saya berucap mengenai tajuk ini dengan anggapan saya menjadi isu politik Malaysia. Pada fikiran saya pemilihan tajuk dan masanya berdasarkan ramalan dan jangkaan yang tepat mengenai tarikh pilihanraya umum Malaysia yang diadakan awal bulan ini. Sungguh elok masanya kita membincangkan isu-isu politik Malaysia pada penghujung bulan yang sama.

Bagaimanapun, seperti yang anda tentu faham, isu-isu utama politik Malaysia adalah isu lama. Jika kita betul-betul memahami sistem politik Malaysia dan asas-asasnya, maka tidak perlu kita terlalu ghairah kepadanya. Tetapi ada juga mereka yang degil dan ingkar untuk memahami hakikat ini.

---

\* Ucapan Dato' Abdullah Ahmad, Ahli Parlimen Kok Lanas, di Institute of International Affairs, Singapura, 30 Ogos 1986.

Sebenarnya apa saja masalah politik di negara membangun selalu dianggap sebagai perkara besar, meskipun itu satu perkara biasa bagi negara maju. Dengan itulah di negara maju, isu-isu ras misalnya, tidak dipapar berdasarkan keunggulan realiti, sebaliknya diasing-asingkan seperti masalah keruntuhan moral masyarakat bandar, pengangguran belia, pengasingan kebudayaan dan sebagainya.

Kita mempunyai harga diri dan maruah apabila membincangkan masalah perkauman orang kulit putih dan hitam di United Kingdom dan Amerika Syarikat umpamanya. Tetapi mengenai masalah yang sama di Sri Lanka, penganalisa-panganalisa mengembar-gemburkan masalah di pulau yang kini dilanda ketakutan dan perasaan tidak selamat itu, sebagai satu konflik dan kebencian antara kaum. Penyelesaian yang biasa mereka kemukakan untuk mengatasi masalah itu ialah melalui perkongsian kuasa, pemisahan atau perpecahan kawasan. Anehnya cara ini tidak pula dicadangkan bagi United Kingdom dan Amerika yang kaum minoritinya tidak putus-putus mengharapkan kebaikan dan pemulihan kepada masalah sosial yang begitu getir dan pahit.

Ambil contoh Afrika Selatan. Negara-negara kulit putih seperti United Kingdom dan Amerika, secara lisan menolak dan mengecam kejijikan sistem aparteid. Tetapi pada hakikatnya, mereka mengekalkan sistem itu melalui pelaburan, perdagangan dan penentangan mereka terhadap tindakan pemulauan ke atas rejim perkauman itu. Sementara itu, kaum majoriti kulit hitam Afrika Selatan terus dilayani seperti anjing, hidup dalam buangan dan kurungan, dibunuh dan dianiaya. Negara-negara kulit putih ini, yang kononnya mengambil berat masalah persamaan hak di dalam negara mereka dan luar negeri, patut tutup saja mulut mereka. Orang Asia seperti kita, tidak seharusnya terpengaruh dengan sikap pura-pura orang kulit putih, kerana kepura-puraan mereka ini boleh membawa kehancuran negara kita.

Meskipun saya tidak berniat mempersepatkan degupan nadi anda kerana kita membincangkan isu-isu dalam politik Malaysia, saya juga tidak takut untuk meneropong isu-isu itu secara lebih mendalam kerana tidak ada sebab yang harus menakutkan kita. Sebaliknya saya berharap dengan cara ini, akhirnya kita akan berupaya memahami dengan lebih baik betapa pentingnya isu-isu

itu dan tanggungjawab kita, memastikannya tidak kerap berlaku dan menggugatkan. Ya, tanggungjawab Singapura dan rakyatnya juga.

Jadi, apakah isu-isu dalam politik Malaysia? Tanpa diragui lagi, isu utama yang melengkari fikiran orang ramai ialah isu perkauman: Sejauh mana renggangnya hubungan orang Melayu dan bukan Melayu, khususnya di antara orang Melayu dan Cina. Semua ini berkisar pada soal polarisasi kaum. Ramai yang memperkatakan masalah ini, termasuk bukan rakyat Malaysia yang tidak begitu mengambil berat mengenai masa depan negara saya. Sebenarnya kita tidak dapat mengelak daripada berperasaan bahawa ketaksuban mereka terhadap masalah itu lebih untuk mengekalkannya daripada cuba menyelesaikannya.

Apakah masalah itu? Biasanya masalah ini dilihat sebagai kemunculan sistem politik yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu dan penerusannya, seperti yang sering dipertikaikan, menyebabkan orang bukan Melayu berada di status yang rendah. Kedudukan orang Melayu mengikut Perlembagaan dan perhatian berat terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) dipandang sebagai dua kekejaman dalam sistem politik Malaysia

yang memenderitakan orang bukan Melayu; dalam bahasa yang mudah, orang Melayu duduk senang dan patut bergembira manakala orang bukan Melayu hidup dalam ketakutan dan jika tidak berperasaan demikian, mereka harus dirasuk supaya berperasaan takut.

Masalah utama kepada masalah ini ialah mereka yang menjadikan ini sebagai isu, membuat premis sendiri dan mengambil sikap memihak tanpa merujuk kepada sejarah Malaysia yang menjadi asas kepada sistem Malaysia masa kini. Mereka terlalu idealistik dan ‘nihilistic’ (berpegang kepada fahaman bahawa susunan kerajaan yang lojik harus dihancurkan). Kesimpulan yang lojik kepada mereka yang bersikap begini, ialah mencabut segala akar umbi sistem politik Malaysia — tindakan yang akan berakhir dengan kemusnahan dan ketidakstabilan yang tidak terbayang buruknya. Apakah ini jawapannya kepada apa yang dikatakan perhatian berat terhadap kestabilan sistem yang diasaskan oleh kekuasaan politik Melayu!

Janganlah kita membuat kesilapan — sistem politik di Malaysia diasaskan kepada kekuasaan Melayu. Inilah premis tempat kita memulakan perbincangan. Orang Melayu mesti menguasai politik Malaysia seperti

juga orang Cina menguasai politik Singapura. Tidak ada orang seperti Tan Cheng Lock lagi di Malaysia seperti juga tidak akan ada orang India di Singapura yang boleh berharap untuk maju lebih jauh daripada Encik Rajaratnam — itu pun hanya setakat apa yang beliau capai sekarang, dan tidak lebih daripada itu. Kedudukan orang Melayu Singapura, Encik Ismail Kassim pasti setuju, adalah lebih mundur.

Sistem politik Melayu lahir daripada kekudusan kontrak sosial yang menunjangi kemerdekaan. Ada usaha untuk mempersoal, mengenevi dan melanggar kontrak ini sehingga mengancam kestabilan sistem itu. Rusuhan Mei 1969 tercetus ekoran cabaran terhadap sistem yang telah dipersetujui kerana janji-janji kontrak itu tidak dipenuhi.

DEB adalah program selepas peristiwa 1969, untuk memenuhi janji-janji kontrak tahun 1957. Tetapi sekarang kita mula mempersoalkan sistem politik itu semula dengan bertopengkan perlaksanaan DEB. Nampaknya, mereka yang berhasrat merosakkan sistem ini, beranggapan bahawa mereka boleh memperbodohkan bangsa Melayu dengan menyerang sistem politik secara berselindung. Kepada mereka seperti ini, eloklah berfikir dua kali.

Anda jangan lupa, jika bangsa Melayu terlalu ditekan, mereka akan bertindak balas. Apabila apa yang berlaku pada 13 Mei ditimbulkan semula, ia diketepikan dengan alasan itu muslihat untuk membangkitkan semula ketakutan 1969. Tapi apa terjadi selepas itu tidak menjadi hal bagi ‘hantu dan jin’ yang nakal. Ini adalah realiti yang pahit. Janganlah kita lupa perkara ini. Dalam sistem politik Malaysia, kedudukan bangsa Melayu mesti dipelihara dan harapan mereka mesti dipenuhi.

Tidak ada pilihan dalam perkara ini. DEB mesti diteruskan bagi mengekalkan kekuasaan Melayu dalam sistem politik sekarang selaras dengan kontrak 1957. Walaupun selepas 1990, perlu diwujudkan cara atau sistem bagi memelihara, melindungi dan meluaskan sistem ini.

Perlu diingat, dalam mana-mana kontrak, ada hak-hak yang menjamin faedah kedua belah pihak. Orang bukan Melayu memperolehi hak kerakyatan dalam sistem politik yang dikuasai Melayu. Mereka menerima hak ini dengan kerelaan dan menikmati sepenuhnya — sebenarnya lebih daripada ‘persamaan’ yang diberikan dalam sistem politik di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Mereka mempunyai perwakilan

politik yang begitu aktif. Mereka memiliki harta tanpa sebarang halangan dan ancaman. Mereka bergerak dengan penuh kebebasan. Mereka boleh menyertai kelab, memasuki sebarang bar atau hotel.

Ada juga yang memperdebatkan bahawa generasi baru Cina tidak terikat kepada kontrak yang sudah lanjut usianya itu. Jika ini benar, maka generasi baru Melayu juga, kebanyakannya mendapati sistem sekarang masih lemah dan mahukan sistem yang keseluruhannya baru atau mahukan prestasi sistem untuk kaumnya diperbaiki. Jika orang bukan Melayu dikatakan rakyat kelas dua kerana mereka tidak boleh mengharap memegang portfolio atau kementerian yang lebih luas kuasanya, maka bangsa Melayu dan India di Singapura juga rakyat kelas dua.

Sistem kami bukan sistem pilih kasih, tetapi memelihara hak-hak Melayu. Bangsa asing terutamanya, enggan memahami hakikat ini. Sistem kami ialah sistem pengaruh kuasa politik Melayu, bukan seperti yang sering diperkatakan, iaitu sistem penaklukan kuasa politik oleh bangsa Melayu. Orang bukan Melayu boleh memiliki sekolah mereka sendiri, jika mahu, bahasa, budaya dan agama. Mereka mempunyai banyak pertubuhan untuk menyuarakan kepentingan

mereka. Mereka agak mampu menjadi pendesak perubahan, umpamanya mendapatkan persetujuan meminda Akta Pelajaran. Malah, sebuah negeri di Malaysia, secara *de facto* dikenali sebagai Negeri China.

Semua ini boleh berlaku kerana Melayu, melalui Umno telah menunaikan janji-janjinya. Tanpa Umno, masa depan orang bukan Melayu lebih suram. Tetapi apa yang Umno perolehi daripada pengorbanan ini? Dalam pilihanraya awal bulan ini, Umno menunjukkan kekuatannya sebagai golongan Melayu sederhana, mengalahkan cabaran daripada golongan Melayu ekstrim agama. Adakah orang bukan Melayu, khususnya parti kaum Cina dalam BN mencapai kejayaan yang sama? Bukan saja mereka gagal, malah mereka menjadikan pula DEB sebagai alasan di atas pencapaian mereka yang lemah itu.

Amatlah bahaya jika dasar yang paling asas kepada kestabilan sistem politik, dijadikan sebagai isu. Lebih buruk lagi, mereka menggunakannya untuk mengalihkan perhatian pergolakan dalaman MCA yang hampir-hampir menjerumuskan parti itu ke tahap huru-hara.

Memang benar Umno juga mempunyai masalah dalaman, tetapi sekali lagi parti itu menunjukkan kemampuannya bersatu

untuk memenangi pilihanraya dengan cemerlang. Janganlah kerana banyaknya masalah besar yang ditimbulkan oleh pengundi Cina di bandar kepada MCA (Gerakan juga), kita memperkecilkan kejayaan besar Umno pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Umno menolak politik Melayu ekstrim agama untuk mengekalkan pengaruh kuasa Melayu dalam sistem politik lengkap melengkapi masyarakat berbilang kaum Malaysia. Tetapi, jika Umno diserang tanpa henti-henti dan ditolak ke kedudukan yang menyebabkannya terpaksa berlawan bagi menjamin sistem politik pengaruh kuasa Melayu, maka bentuk dan corak kepemimpinan Umno dan kesederhanaannya mestilah diubah.

Kita mesti bertanya diri sendiri, adakah kita mahu berurusan dengan orang Melayu yang berlainan daripada Melayu yang menguasai sistem politik sekarang? Melayu yang berlainan itu tidak lagi mempunyai pendidikan Inggeris, tetapi segala-galanya Melayu. Mereka tidak lagi sekular, tetapi teokratik. Mereka bukan saja Islam, tetapi Islam ala Iran. Penghayatan yang sama sekali berlainan — berlainan cara berpakaian, cara mereka menghormati orang dan berlainan cara mereka fikirkan mengenai

orang bukan Islam. Saya menjemput Professor Chan Heng Chee sebelum pilihanraya ke Kok Lanas, Kelantan dan beliau melihat sendiri contoh dari Universiti Teknologi Malaysia. Itu pun mereka tidaklah seteruk angkatan baru dalam Pas.

Jika kita memikirkan sejenak hal ini semua, pasti kita akan bersyukur dengan sistem yang kita miliki. Dengan kuasa yang ada, kita mestilah berusaha mengelakkan perkara yang tidak diingini ini berlaku. Malah kita mestilah berusaha lebih kuat lagi menjamin sistem yang ada sekarang benar-benar berjalan dan kukuh.

Singapura yang mempunyai jalinan sejarah dengan Malaysia, mempunyai tugas penting untuk meredakan tuntutan masyarakat Cina Malaysia yang melampau. Singapura tidak boleh meletakkan dirinya sebagai satu-satunya pilihan atau sebagai sistem kekuasaan Cina yang berwibawa di lautan Melayu, dengan hanya mengadakan hubungan rasmi atau tidak rasmi secara individu. Singapura mestilah mengambil pendirian yang lebih jelas bahawa sistem politik Malaysia sekarang adalah satu-satunya sistem yang membolehkan masyarakat Cina Malaysia meletakkan harapan yang lebih baik daripada yang diperjuangkan

ketika Singapura bersama Malaysia. Singapura boleh melakukan banyak lagi untuk menghilangkan ketakutan ini.

Ketaksuhan penguasaan politik Melayu ada kaitannya dengan apa yang berlaku kepada masyarakat Melayu minoriti di Singapura. Malaysia kini tidak akan mencampuri hal-ehwal dalaman Singapura untuk memberi harapan kepada orang Melayu. Pada masa yang sama, Singapura juga mestilah jangan menunjukkan apa-apa harapan kepada masyarakat Cina mengenai sistem yang berbeza di Malaysia. Pendirian Singapura akan meninggalkan kesan kepada kita, dan jika bangsa Melayu mendapati mereka terlalu diancam, kemungkinan akan menimbang untuk bersatu dengan Indonesia. Banyak orang Melayu yang memberitahu saya bahawa mereka lebih rela berkongsi kemiskinan dengan Indonesia daripada melihat kedudukan politik mereka hancur. Sekiranya ini berlaku, kita akan berhadapan dengan suasana politik serantau Asia Tenggara yang berlainan.

Dalam hubungan ini, barangkali patut kita meninjau mengapa dan bagaimana soal pendatang haram Indonesia dan Filipina menjadi isu di Malaysia. Walaupun pendatang haram dipandang hina dan tidak

menyenangkan, kita patut bertanya diri sendiri bagaimanakah mereka datang dengan bilangan yang begitu besar? Kita harus bertanya lagi, apakah mereka menghadapi keadaan yang tidak menyenangkan ini tanpa kemaslahatan ekonomi yang teruk, adakah mereka yang berkenaan terlalu hina dan menyebabkan masalah sosial dan jenayah? Dalam lain perkataan, pendatang haram Indonesia dan Filipina tidak akan menjadi isu sama sekali.

Setakat yang berkenaan masyarakat Cina Malaysia terutamanya MCA, mestilah berusaha setakat yang mereka mampu untuk menerangkan dan mengukuhkan DEB dan bukan memburuk-burukannya. Mereka hendaklah menerangkan sejelas-jelasnya tempat masyarakat Cina dalam sistem politik Malaysia dan faedah-faedahnya. Mereka mestilah menjadi wakil masyarakat Cina yang berkesan dalam konteks sistem yang ada.

Mereka hendaklah mengingatkan masyarakat Cina bahawa DEB bukan merompak hak mereka, tetapi membahagi-bahagikan perkembangan ekonomi bagi menjamin ketstabilan, yang seterusnya membolehkan mereka menikmati kekayaan Malaysia. Meskipun demikian, jika kita lihat pada

sektor korporat, masyarakat Cina mendapat 40 peratus, iaitu lebih daripada 30 peratus yang diperuntukkan kepada orang Melayu. Pembahagian ini tidak seimbang berbanding komposisi kaum dan tentulah tuduhan penguasaan mutlak bangsa Melayu tidak benar sama sekali. Sebenarnya ada ruang yang cukup untuk semua bangsa selagi sistem yang diamalkan sekarang dikekalkan.

Ia tidak akan kekal jika ia dipersoal atau diperkecilkan. Selepas pilihanraya baru-baru ini, sistem ini terus dipandang rendah dan ada juga yang membuat kesimpulan bahawa sistem ini tidak demokratik. Salah satu sungutan yang biasa didengar ialah betapa besarnya tumpuan telah diberi kepada penyusunan semula kawasan pilihanraya seolah-olah ini unik hanya kepada Malaysia. Sehubungan itu, sungutan terhadap dimensi perkauman dalam kawasan-kawasan berkenaan juga dibangkitkan.

Ini sebenarnya berlaku di mana saja, termasuk di Amerika Syarikat yang kawasan pilihanraya bandar seperti di New York mengandungi 300,000 pengundi, sementara kawasan pilihanraya luar bandar seperti di Iowa mengangungi 36,000 pengundi saja. Saya juga boleh memberi contoh di Singapura bagaimana ada perbezaan ketara dalam

saiz kawasan pilihanraya.

Komposisi kaum dalam kawasan-kawasan pilihara luar bandar apabila dibanding dengan kawasan-kawasan pilihanraya bandar memang begitu rupanya di negara kami. Tetapi, seseorang harus mengambil kira bahawa kita tidak menyekat atau mengawal penghijrahan penduduk dalam apa cara jua pun. Tetapi seperti juga di mana-mana, peluang ekonomi selalunya menentukan besar-kecilnya tumpuan penduduk. Sesiapa yang mementingkan undi dari kemudahan atau peluang ekonomi boleh menumpukan perhatian kepada kawasan luar bandar.

Ada juga laungan daripada pelbagai pihak supaya diwujudkan barisan pembangkang yang kuat di negara ini. Dan pihak-pihak tertentu kecewa apabila ini tidak dapat diwujudkan. Mari kita fikirkan ini sekali lagi. Satu barisan pembangkang yang kuat? Dari parti mana? Pas dan DAP? Satu daripada mereka ialah parti agama yang bersikap extremis dan tidak mahu menerima sistem yang ada, sementara yang satu lagi ialah parti perkauman sempit yang juga enggan menerima sistem yang ada. Apakah orang yang melaungkan perlunya satu barisan pembangkang yang kuat sedar apa yang mereka katakan?

Di kalangan mereka yang melaungkan perlunya barisan pembangkang yang kuat ialah bekas-bekas pemimpin negara yang seharusnya lebih sedar akan apa yang mereka laungkan. Umpamanya, bekas Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, tiba-tiba menunjukkan minat terhadap barisan pembangkang yang kuat, sedangkan ketika memegang teraju kerajaan, beliau tidak boleh bertolak ansur dalam hal seperti ini. Memang mudah bercakap demikian ketika seseorang tidak lagi berkuasa. Tetapi kewibawaan seseorang hanya boleh dilihat ketika ia berkuasa, bukan selepasnya.

Bagaimana seseorang itu boleh menjadi teladan sikap bertolak ansur dengan pembangkang jika di zamannya beliau pernah menghapuskan penentangnya kerana tidak berdaya menentang mereka, atau tidak mahu menerima sebarang tentangan? Saya memang arif tentang hal ini kerana dianggap sebagai berhati komunis! Tahukah anda, ketika Datuk Hussein memerintah ada antara 600 hingga 800 orang tahanan, sedangkan sekarang jumlah ini hanya tinggal kira-kira 30 sahaja, itu pun adalah pejuang komunis yang keras hati? Inikah yang dikatakan semangat mahukan barisan pembangkang yang kuat?

Kesimpulannya, saya menyeru supaya pihak-pihak berkenaan memahami sepenuhnya keadaan politik di Malaysia sebelum menyelongkar sesuka hati isu-isu politik negara saya. Kajilah dulu perspektif tempatan sebelum kita merelakan diri dipengaruhi oleh rayuan atas nama atau usaha mewujudkan sikap liberal. Khususnya, kepada orang Singapura, saya menyeru mereka menerima kaedah sistem politik Malaysia seperti yang saya terangkan. Janganlah pula Singapura menjadi pendorong kepada perpecahan di negara lain. Kepada kaum Cina Singapura mahupun di Malaysia, sekali lagi saya ingatkan — janganlah suka bermain api.

## **KEPIMPINAN MELAYU**

Oleh: Kadir Abadi

**S**EJAK beliau kembali cergas dalam politik negara, Dato' Abdullah Ahmad sekali lagi berada di tengah-tengah perhatian UMNO dan orang Melayu dengan beberapa banyak pandangan dan buah fikirannya yang kadang-kadang mendebarkan, lebih-lebih lagi apabila orang Melayu merenung masa depan mereka yang masih samar-samar itu.

Hampir semua pandangan-pandangannya wajib menjadi dasar UMNO dan malah harus dilaksanakan tanpa berlengah-lengah lagi. Ramai orang Melayu mengetahui bahawa Dato' Abdullah Ahmad ialah seorang pemikir yang disegani, seorang pekerja parti yang amat tekun dan yakin.

Malah beliau mempunyai beberapa pandangan yang tertentu untuk orang Melayu dan kepimpinan politik Melayu di negaranya. Tetapi peluang untuk menguji fikiran, ketekunan dan semangat keMelayuannya yang berkobar-kobar itu tidak datang dengan cepat dan mudah.

Seketika dalam tahun 1974–1976 beliau telah memainkan peranan ini dengan yakin, tetapi telah

dipadamkan oleh perasaan dengki dan tindakan khianat golongan tertentu dalam parti UMNO yang bercita-cita untuk membolot kuasa pemerintahan dari UMNO dan menubuhkan empayar untuk golongan mereka. Mujurlah kuasa Allah Subhanahuwata'ala mengatasi kuasa mereka.

Seperti beberapa tokoh UMNO yang lain, seperti Anwar Ibrahim, dan Abdullah Majid, maka Dato' Abdullah Ahmad juga menjadi mangsa keganasan dan kegilaan untuk membolot kuasa politik dalam situasi di mana pemimpin-pemimpin utama UMNO menghadapi krisis keyakinan.

Beberapa orang sahabat setianya seperti Dr. Mahathir, Musa Hitam dan Tengku Razaleigh dikatakan pernah berusaha keras untuk meyakinkan pucuk pimpinan waktu itu supaya tidak merujuk kepada tindakan-tindakan di luar penerimaan umum.

Malah jika tidak kerana tindakan Mahathir yang cepat menyelamatkan beliau dari kurungan ISA dalam tahun 1981, ketika Mahathir menggantikan Hussein Onn, sejarah Dato' Abdullah Ahmad mungkin bukan seperti yang dilaluinya sekarang. Pada ketika itu Dato' Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

Tetapi Tengku Razaleigh Hamzahlah orang yang pertama yang diingati sebagai mempertahankan kebenaran Dato' Abdullah Ahmad secara terbuka dan terus-terang. Hal ini berlaku ketika Tengku Razaleigh memperkenalkan Dato' Abdullah kepada pengundi-pengundi di perhimpunan

besar di Selising dekat Pasir Puteh, Kelantan dalam masa kempen pilihanraya bulan Ogos 1986 yang lepas.

‘Dato Abdullah Ahmad ialah mangsa politik musuh-musuh beliau,’ kata Tengku Razaleigh dengan tepuk sorak beribu-ribu peserta perhimpunan itu. ‘Saya kenal Dato’ Abdullah sejak kecil. Beliau tidak ada apa-apa kaitan dengan komunis.’

Sebagai seorang pemimpin muda UMNO pada waktu itu Dato Abdullah telah mengalami pahit-getir risiko kerana mempunyai ikhtiar-ikhtiar baru untuk bangsanya. Tetapi sekarang beliau telah membakar jembatan yang telah dilintasinya. Beliau tidak ada pilihan lain melainkan terus melihat kehadapan dengan yakin dan berani.

Memandangkan cabaran yang semakin besar terhadap orang Melayu pada masa hadapan, peluang-peluang baru mestilah diwujudkan untuk tokoh-tokoh seperti beliau menguji kejujuran fikiran mereka yang berteraskan KETUANAN atau DOMINAN MELAYU itu, bahkan untuk para pemimpin muda UMNO menjadikan contoh dan teladan.

Malah UMNO hendaklah mewujudkan peluang-peluang seperti ini pada setiap saat dan detik dalam hayatnya untuk mengelak dari kehancuran kerana kehilangan stamina dan azam.

Orang Melayu tidak kira dari golongan mana dan dalam bidang apapun hendaklah sedar bahawa ketuanan atau dominan Melayu bukanlah satu slogan yang patut diperkecil dan dipermain-main-

kan. Ia bukanlah satu bahan untuk diketawa atau dipermudahkan. Ia adalah masalah besar, masalah *real*, yang benar-benar berlaku di hadapan mata setiap orang Melayu hari ini.

Sebagai bukti bacalah setiap patah kata-kata dari golongan-golongan yang sekian lama mencabar hakikat ketuanan kuasa politik Melayu di negara ini dalam bab berikutnya.

Lihatlah dengan mata sendiri di sekeliling kita.... Berapa cebiskah lagi sisa-sisa kuasa politik yang ada pada orang Melayu? Siapakah yang menguasai ekonomi negara ini? Siapakah yang menjadi hak milik baru kepada ladang-ladang dan lombong Melayu? Siapakah yang membolot dan menyimpan kekayaan orang Melayu asal di negara-negara asing? Siapakah yang menguasai perdagangan antarabangsa bagi hasil-hasil yang dikeluarkan dari titik peluh dan tanah orang Melayu? Siapa? Adakah orang Melayu?

Siapakah yang membuka kilang-kilang dan menguasai pekerja dan buruh Melayu? Dengan lain-lain perkataan, siapakah pekerja dan siapakah taukeh? Siapakah yang paling ramai sekali menjadi "gadis kilang"? Siapakah yang ramai sekali menjadi drebar, peon, kerani dan eksekutif rendah? Siapakah yang ramai sekali menjadi jaga (sekarang diberi nama yang lebih dihormati sedikit — "security guards")? Adakah orang Cina?

Tanyalah diri sendiri berapa ramaikah pegawai Melayu di bank-bank dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh orang Cina? Tanyalah lagi diri sendiri, bagaimanakah layanan mereka terhadap pekerja-

pekerja Melayu di firma-firma yang dikuasai oleh puak mereka? Jawapannya – negara “Singapura kecil” sudah wujud di Malaysia.

Ini hanya satu bandingan kecil dan bandingan kecil seperti inilah yang akan membolehkan kita kenal siapa kita dan sejauh manakah kita menggunakan kuasa yang ada dalam tangan kita? Bukankah kita perlu membuat pertanyaan ini, kerana orang lain jika mereka berkuasa akan menggunakan kuasa yang ada pada mereka dengan penuh bernafsu.

Kita jangan lupa, sebenarnya orang Melayu tidak begitu mahir dan tidak begitu mampu menggunakan kuasa yang ada pada mereka. Inilah di antara lain yang diperkatakan oleh Dato' Abdullah Ahmad dalam ucapannya yang masyhur di Singapura dahulu itu.

Tanyalah diri sendiri, siapakah yang lebih berjaya di universiti-universiti dalam dan luar negeri? Tanyalah lagi, berapa ramaikah anak Melayu jika dibandingkan dengan anak bukan Melayu di luar negeri?

Kemudian, tanyakan, jenis universiti yang dimasuki oleh anak Melayu dan jenis universiti yang dimasuki oleh anak orang Cina di luar negeri? Ini tidak lagi dikira jenis kursus dan pangkat kelulusan mengikut mata pelajaran.

Sekarang tepuk dada tanya selera. Adakah kita akan memerintah negara ini untuk 20 tahun lagi? Selepas itu siapa?

Orang Melayu jangan memandang masalah mereka dengan mata sepet. Mereka harus meng-

gunakan teropong yang betul untuk melihat masalah orang Melayu secara umum. Di manakah letaknya kelemahan itu? Apa puncanya? Janganlah mereka menangis — walaupun dengan air mata darah — mengenangkan nasib malang yang menimpa mereka kerana pilihan mereka yang salah setiap kali UMNO mengadakan pemilihannya.

Orang Melayu sudah sepatutnya menghentikan amalan mendewa-dewakan pemimpin. Mereka harus hentikan amalan membina pemimpin yang tidak sepatutnya dibina dan disanjung. Tanyalah diri sendiri, apakah pemimpin-pemimpin yang mereka angkat itu sumbangkan kepada orang Melayu? Apakah sumbangan mereka untuk negara mereka, untuk anak cucu serta cicit mereka?

Saya berkata begitu kerana ahli-ahli UMNO tidak jemu-jemu mengangkat pemimpin yang tidak penting kepada survival orang Melayu. Pada saban tahun mereka terus-menerus menolong menaikkan pemimpin yang tidak sedikitpun berkebolehan untuk membela nasib orang Melayu.

Asal sahaja para pemimpin itu mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan mereka, maka pemimpin-pemimpin itulah yang mereka sokong dan berusaha untuk menaikkan bagi jawatan-jawatan penting dalam UMNO. Bilakah amalan ini akan tamat?

Tanyalah diri sendiri, bolehkah pemimpin-pemimpin ini bertentang mata dengan Lee Kuan Yew? Bolehkah pemimpin-pemimpin Melayu yang disokong ini berhujah dengan para pemimpin muda

Singapura yang akan menggantikan Lee Kuan Yew nanti?

Bolehkah mereka bercakap dengan berani, waras dan teratur dan tidak terketar-ketar di forum-forum antarabangsa? Bolehkah mereka menyediakan diri mereka sendiri untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan menimpa orang Melayu akibat kemaraan dan keberanian orang Cina menuntut hak?

Ahli-ahli UMNO jangan lupa, bukan orang Melayu saja yang mempunyai hak ke atas politik dan ekonomi negara ini. Orang Cina juga mempunyai hak. Kaum-kaum imigran yang lain juga mempunyai hak-hak yang sah. Bagaimanakah hak-hak kaum lain boleh diserap tanpa sedikitpun menjaskan kuasa politik dan rancangan jangka panjang pentadbiran Melayu?

Bolehkah kita bergantung kepada pemimpin-pemimpin Melayu tertentu yang dibina itu untuk menentang orang Cina?

Kini lebih ramai orang Cina yang terpelajar daripada orang Melayu. Orang Cina juga banyak pendedahan (atau *exposure*), tahan lasak dan lebih mahir daripada orang Melayu dengan kebanyakan isu yang ada kaitan dengan ekonomi, pendidikan dan politik.

Lihatlah dalam akhbar-akhbar bagaimana golongan terpelajar Cina mencabar kuasa politik Melayu, bagaimana mereka menggunakan hujah-hujah mereka untuk menyakinkan orang ramai.

Adakah kita mempunyai *resources* (seperti wang, tenaga, kepandaian atau kepakaran, bantuan asing, media massa dan sebagainya) yang cukup untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang tidak dapat tidak satu hari akan bertembung itu?

Adakah kita mahu mewujud dan membina pemimpin-pemimpin Melayu yang tidak ada kerja lain melainkan “**tolak ansur, tolak ansur**”, apabila berhadapan dengan tuntutan mereka yang bertembung dengan hak-hak orang Melayu yang diperbahankan?

Adakah kita akan selama-lamanya menjadi “**Bangsa Tolak Ansur**”, walaupun yang tertinggal untuk kita hanya sisa-sisa kuasa politik. Padahal yang sebenar dan hakikatnya telah hilang? Berapa banyak lagikah bahagian-bahagian dalam negara kita yang menjadi hak kita itu yang harus kita gadai?

Ingartlah, Melayu akan hancur kalau kita terus mengangkat dan menaikkan pemimpin-pemimpin Melayu yang palsu!

Orang Melayu patut sedar bukan sedikit pemimpin Melayu hari ini yang berhempas-pulas mempertahankan kedudukan mereka semata-mata kerana gaji dan ingin mendapat penceh dan hidup senang lenang.

Mereka tidak ubah seperti pembesar-pembesar Melayu di zaman penjajah, yang memajakkan lombong mereka kepada orang Cina dan berpuas hati dengan sewa yang sedikit. Mereka tidak peduli kalau negara mereka jatuh ke tangan orang lain.

Pemimpin-pemimpin Melayu seperti ini cakap saja berdegar-degar tetapi tidak berbuat apa-apa untuk bangsa mereka. Apalagi untuk orang Melayu seratus atau seribu tahun akan datang.

Merekalah yang menyebabkan orang Melayu terus mundur. Merekalah yang menyebabkan pelajar-pelajar Melayu tidak mampu bertanding dengan pelajar-pelajar bukan Melayu. Mereka tidak tahu bagaimana hendak merancang supaya orang Melayu yang berpendidikan tinggi dan memasuki universiti-universiti terkenal di luar negeri lebih ramai dari orang bukan Melayu.

Mereka hanya melaksanakan dasar tetapi tidak peduli kalau pelaksanaannya tidak menguntungkan orang Melayu. Pemimpin-pemimpin yang seperti inilah yang sedang dinaik dan dibina oleh orang Melayu di hampir setiap tempat di seluruh negara hari ini.

Ingatlah, ramai yang hendak menjadi pemimpin itu bukan kerana Melayu atau agama atau tanahair mereka, tetapi kerana gaji, kemudahan dan pencen. Mereka jadi pemimpin kerana kerja-kerja lain tidak menjaminkan gaji yang besar, pencen dan lain-lain kemudahan.

Ada di antara mereka yang menjadi pemimpin kerana ingin mengelak dari diburu oleh bank-bank yang akan mengambil tindakan muflis. Mereka berlindung di sebalik nama UMNO dan jawatan-jawatan yang mereka pegang dalam parti dan kerajaan.

Hubaya, hubaya, mereka ini, jika menjadi pemimpin akan mengeciwakan orang Melayu.

Mereka bukan saja tidak mempunyai kekuatan berfikir untuk membolehkan mereka menentang bij mata orang Cina, Zionis, Yahudi, Kristian dan sebagainya, bahkan jika mereka jadi pemimpin mereka tidak disegani atau dihormati oleh pemimpin-pemimpin serantau — Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei. Apalagi pemimpin Amerika dan Eropah.

Jawatan-jawatan dalam Parti UMNO bukanlah untuk Jasin, Tanah Merah, Seputeh, Teluk Intan, Selayang sahaja, bahkan untuk imej orang Melayu dan negara. Jangan negara dan bangsa mendapat malu kerana memilih pemimpin yang tidak sesuai untuk zaman ini.

Ahli-ahli UMNO hendaklah menunjukkan kepada mata dunia bahawa pemimpin-pemimpin Melayu boleh menentang siapa sahaja di meja antarabangsa dan dalam bidang apa sekalipun — dasar luar, ekonomi, masalah Islam sedunia, politik serantau, perdagangan antarabangsa, diplomasi, bank dan perakaunan, pendidikan sejagat, masalah pengeluaran minyak dunia, politik kuasa-kuasa besar dan sebagainya.

Pemimpin-pemimpin Melayu yang dipilih mestilah mempunyai maruah dan kedudukan supaya mereka disegani dan ditakuti oleh orang Cina, oleh Lee Kuan Yew dan jenerasi kedua pemimpin-pemimpin Singapura. Mereka mestilah mempunyai kebolehan sekurang-kurangnya seperti Tun Razak dan Tun Dr. Ismail. Mereka mestilah dilihat sebagai mempunyai kemampuan seperti pemimpin-

pemimpin tersebut. Malah mereka mestilah lebih baik daripada Razak, Dr. Ismail, Hussein Onn dan Tengku.

Jika kita tersalah pilih, UMNO akan hancur-lebur menjadi debu sejarah! UMNO jangan main-main atau kerana "tak ada pilihan", maka angkat siapa saja yang difikirkan menjadi sahabat mereka.

Tugas memerintah negara dan menebus maruah bangsa bukanlah seperti menubuhkan pasukan bola. Para pemimpinnya bukan sahaja mesti lincah bermain politik dengan orang-orang Cina dalam negara tetapi lincah bermain politik dengan bangsa-bangsa yang lebih maju.

Mereka mestilah mampu dan berkebolehan duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang lebih lincah? Berapa ramaikah pemimpin muda Melayu yang mempunyai kebolehan dan kemampuan seperti ini? Kebanyakannya takut menentang para pemimpin Cina. Apalagi Lee Kuan Yew atau anaknya Brig. Gen. Lee. Lebih-lebih lagi kalau yang hendak ditentang itu Orang Putih. Jarang yang boleh bertutur lancar dalam bahasa Inggeris, manakala yang pandai berbahasa Arab pula tidak ada kerja lain, melainkan mengam-pu Arab!

Ramai pemimpin Melayu yang dilabelkan 'orangnya baik', tetapi apakah yang mereka buat untuk bangsa dan negara mereka, selain dari menjadi 'penumpang' saban tahun? Walaupun 20 tahun maka dikerusi itulah mereka berada dan kekal. Bagaimanakah UMNO dan orang Melayu tak

mundur?

Mereka dianggap ‘orang yang tidak menimbulkan kecuh’ (atau tidak *controversial*). Tetapi tahukah anda, apa yang para pemimpin seperti ini buat sehingga mereka boleh kekal begitu lama? Tak lain dan tak bukan – mereka menggunakan sahabat untuk menubuhkan syarikat dan menyertai tender dan kontrak kerajaan. Mereka tidak berbuat apa-apa untuk orang Melayu ataupun agama. Jika orang Melayu diserang oleh orang Cina dengan tuntutan-tuntutan yang keras, merekalah yang mula-mula merayu kepada tolak-ansur.

Kadangkala untuk tidak menjadi kecuh kerana takut tembelangnya dalam syarikat-syarikat proksi pecah, mereka berdiam diri. Tetapi apabila perlantikan baru dibuat, ahli-ahli UMNO sekali lagi menaikkan orang-orang seperti ini. Setahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun ..... akhirnya orang Melayu bertambah mundur tetapi mereka bertambah kaya.

Bukan salah ibu mengandung kalau kita terus mundur dan lemah dalam segenap segi. Yang salah ialah kita sendiri kerana mahu ‘orang baik’ menjadi pemimpin UMNO dan kerajaan.

‘Orang baik’ dan ‘tidak menimbulkan kecuh’ mempunyai banyak tempat untuk dimasuki. Mereka sesuai menjadi penggerusi syarikat-syarikat UMNO tetapi tidak sesuai untuk menjadi ‘penumpang’ yang bertempiaran lari apabila disergah oleh orang Cina dengan isu pribumi atau ketuanan Melayu.

Malangnya, apabila muncul pemimpin-pemimpin Melayu yang berani menentang pemimpin-

pemimpin Cina untuk menebuskan maruah orang Melayu, mereka pula yang menjadi penyokong golongan yang mencemuhkan tindakan orang-orang yang berani mempertahankan maruah orang Melayu itu.

Orang Melayu patut menimbangkan semula dengan masak dan dada terbuka, apakah patut UMNO mempunyai ‘ayatullah-ayatullah’ dan ‘ulama-ulama’ sahaja yang tidak berbuat apa-apa untuk mempertahankan dan mengukuhkan kuasa politik orang Melayu masa hadapan? Trengganu dan Kelantan pernah mempunyai pemimpin-pemimpin dari golongan ‘ayatullah’ dan ‘ulama’ ini.

Tetapi apakah yang telah jadi kepada rakyat Kelantan selama 18 tahun? Adakah arak dapat dikurangkan walaupun setitik dalam masa pemerintahan golongan ‘ulama’ dan ‘ayatullah’ ini? Adakah maksiat berkurangan? Adakah kayu balak bertambah? Sebaliknya, dalam zaman pentadbiran para pemimpin seperti inilah maruah rakyat dan negeri Kelantan tergadai.

Trengganu tidak sempat dirobek oleh para pemimpin dari golongan ‘ayatullah’ dan ‘ulama’ ini. Tetapi kalau tidak kerana perbalahan besar dalam pimpinan kerajaan Trengganu yang pendek itu, negeri Trengganu mungkin menyaksikan kemusnahan yang lebih dahsyat.

Inilah akibatnya orang Melayu inginkan para pemimpin yang ‘baik’ dan ‘tidak kecuh’ di luar itu. Jika kita ingin tahu dan ingin menguji kejujuran mereka, berikan kuasa dan wang atau pangkat dan

kedudukan. Kita akan dapat melihat sejauh manakah mereka akan membawa orang Melayu.

Sebenarnya UMNO telah banyak kali diuji. Kini sekali lagi mereka diuji. Adakah ahli-ahli UMNO akan terus melakukan kesilapan kerana menganggap apa yang ‘baik’ dan ‘tidak kontroversial’ itu baik untuk orang Melayu?

Orang Melayu patut insaf bahawa para pemimpin Cina yang berjaya mendesak untuk mendapatkan kerakyatan Malaya dan kuasa politik untuk kaum mereka itu bukanlah dari golongan yang ‘baik-baik’ dan ‘tidak kecuh’. Malah sebaliknya, mereka lah yang paling ‘kurang ajar’ dalam memajukan tuntutan mereka kepada orang Melayu. Bukan-kah pemimpin-pemimpin Cina yang menentang ketuanan Melayu itu sekarang dari golongan yang ‘kurang ajar’, yang tidak gentar menentang orang Melayu?

Adakah kita terlupa bagaimana 13 Mei meletus? Di manakah pemimpin-pemimpin Melayu yang ‘baik’ dan ‘tidak kecuh’ pada masa itu? Pendek kata, kalau tidak kerana Melayu yang berani dan ‘kurang ajar’, mungkin pemimpin-pemimpin yang ‘baik’ dan ‘tidak kecuh’ itu tidak ada hari ini. Mungkin kawasan pilihanraya mereka sudah menjadi kawasan pilihanraya bagi calun-calun Cina.

Kita tidak patut buta sejarah dan lupa bagaimana Lee Kuan Yew dapat mengambil Singapura dari orang Melayu dan bagaimana republik itu diperintah sekarang? Adakah dengan lidah dan jari yang lembut? Lihat, apa yang terjadi kepada

Lebih dari sepuluh tahun selepas pemergian mereka, UMNO masih lagi menunggu munculnya para pemimpin yang akan menyambung perjuangan mereka yang belum selesai.

Ahli-ahli UMNO tidak patut membuat silap lagi kali ini. Kuasa politik mungkin berada dalam tangan orang Melayu. Tetapi apakah gunanya kuasa politik dalam tangan orang Melayu atau pemimpin-pemimpin Melayu yang lemah, yang bertolak ansur, yang sesuai untuk menjadi pengurus dan mungkin gabenor sahaja itu?

Apakah gunanya kuasa politik dalam tangan menteri-menteri Melayu yang tidak boleh merancang untuk menjamin agar kuasa politik terus kekal dalam tangan orang Melayu?

Mereka mesti sedar sekarang orang Melayu sedang dalam proses kehilangan kuasa politik mereka. Jika mereka terus dilalai dan dilambung oleh pemimpin-pemimpin mereka yang tidak ada rekod untuk mempertahan dan memperjuangkan ketuanan Melayu, ingat-ingatlah, masanya akan segera sampai untuk menemui kehancuran orang Melayu yang total.

Ahli-ahli UMNO perlu sedar dan bertindak segera. Kini terlalu ramai pemimpin Melayu yang diberi pangkat menteri dan menteri besar atau ketua menteri yang diangkat dan dinaikkan oleh ahli-ahli UMNO sendiri secara lalai dan silap. Ada di antara mereka mungkin menjadi ahli UMNO dan kekal dalam Parti UMNO berpuluhan tahun. Ada di antara mereka yang memegang jawatan-jawatan



**Dato' Abdullah Ahmad**




Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad



Tengku Razaleigh Hamzah



**Dato' Musa Hitam**



**Tun Hussein Onn**



Allahyarham Tun Razak



**Tengku Abdul Rahman**



Allahyarham Tun Dr. Ismail bersama  
Tengku Razaleigh Hamzah

penting dalam UMNO. Tetapi apakah rekod mereka dalam perjuangan untuk mengekalkan kuasa politik Melayu?

Ada di antara mereka ini bukan sepatutnya berada dalam kancah perjuangan politik Melayu 1980an. Mereka sepatutnya berada dan kekal dalam zaman merdeka dan sepuluh tahun selepasnya. Tetapi kerana kesilapan ahli-ahli UMNO sendiri, maka mereka telah mempertahan, menaik dan menyokong para pemimpin Melayu yang tidak sesuai untuk memimpin orang Melayu dalam zaman ini.

Para pemimpin ini sekarang berucap di sana sini. Gambar mereka tersiar di kaca TV dan akhbar hampir setiap waktu. Tetapi apakah yang mereka beri kepada orang Melayu selain dari melalaikan orang Melayu dengan tolak ansur.

Jika ada pemimpin Melayu berhempas pulas untuk menebus maruah orang Melayu, para pemimpin ini akan tampil menepuk belakang orang Melayu supaya bersabar dan jangan menimbulkan kekicuhan. Kata mereka, "Apalah gunanya mengungkit-ungkit isu pribumi dan ketuanan Melayu kerana kita menguasai kuasa politik".

Yang sebenarnya, pemimpin-pemimpin Melayu yang bersikap seperti ini mempunyai tujuan untuk diri sendiri. Mereka bimbang jika pemimpin-pemimpin muda yang berpelajaran tinggi dan mempunyai kemampuan serta kebolehan yang besar untuk menentang para pemimpin Cina menjadi lebih popular dari mereka, maka mereka akan ber-

sara dari politik.

Mereka telah hilang perspektif. Oleh kerana kepentingan diri lebih besar dari kepentingan orang Melayu, mereka berkata orang Cina tidak menimbukan kecuh. Para pemimpin ini tidak sedar para pemimpin Cina merancang dalam senyap untuk menguasai orang Melayu.

Yang sebenarnya, mereka sudah kehilangan perspektif. Cara mereka melihat penderitaan orang Melayu tidak sama dengan cara orang Melayu melihat diri mereka sendiri. Apakah ahli-ahli UMNO harus menaikkan para pemimpin seperti ini?

Ahli-ahli UMNO jangan digelap atau dikaburkan dengan keahlian pemimpin mereka yang lama dalam parti. Mereka jangan dilalaikan dengan jawatan-jawatan mereka yang hakikatnya diberi oleh rakyat sendiri. Mereka jangan lupa setengah-setengah pemimpin Melayu mempunyai motif untuk mengekalkan jawatan mereka. Kalau boleh sampai ke akhir hayat.

Mereka mesti kenal dan cara mengenali mereka bukanlah dengan mengukur keahlian mereka yang berpuluhan-puluhan tahun dalam parti atau jawatan-jawatan mereka yang besar. Keahlian mereka yang lama dan jawatan mereka yang besar mungkin tidak ada kaitan langsung dengan kebolehan dan kemampuan, apalagi kejujuran, mereka.

Ingatlah, orang Melayu tidak akan berjaya untuk melaksanakan apa jua dasar jika setiap dasar yang dilaksanakan ditentang oleh cita-cita politik para pemimpin Cina. Masa depan orang Melayu

akan lebih gelap dan sulit kalau tentang para pemimpin Cina di negara ini disokong pula oleh pemimpin-pemimpin Melayu yang tidak bermaruah.

Dasar Ekonomi Baru yang diterima oleh orang-orang Cina dalam tahun 1970 itu kini ditentang kononnya cara pelaksanaannya merugikan orang Cina. Apakah ini benar? Tanyalah pemimpin-pemimpin Melayu yang sering berkata orang Cina tidak menimbulkan kecuh itu.

Tanyalah mereka kenapa orang Melayu begitu sukar untuk melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh UMNO? Tidak lain dan tidak bukan kerana ada para pemimpin Melayu yang bergantung kesenangan kepada saudagar-saudagar Cina. Tidak lain dan tidak bukan kerana ada pemimpin Melayu yang menjadi duri dalam daging.

Ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura begitu keras ditentang oleh para pemimpin Cina, termasuk bekas Timbalan Menteri kerajaan, Dr. Goh Cheng Teik dan pemimpin MCA Ling Liong Sik. Mengapa? Orang Cina tidak hilang perspektif. Hanya pemimpin Melayu yang hilang perspektif. Mereka – para pemimpin Melayu ini – bukan “penuntut sejarah”. Oleh itu mereka tidak memahami proses sejarah.

Kenyataan Dato' Abdullah Ahmad berhubung dengan ketuanan Melayu bukan saja ditentang oleh orang Cina tempatan, bahkan juga oleh keturunan bukan berugama Islam di Singapura, Australia dan Indonesia. Adakah para pemimpin Melayu ini membaca akhbar-akhbar luar negeri? Adakah para

pemimpin Melayu ini memahami betapa kebencian mereka terhadap orang Melayu dan apa jua yang dilakukan oleh orang Melayu?

Memang orang Melayu selajunya malang. Ada yang tidak sedar mereka telah termasuk perangkap golongan-golongan anti Melayu.

## **MASA DEPAN ORANG MELAYU\***

Oleh: Hassan Ismail

**U**CAPAN ahli Parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad di Institut Hal Ehwal Antarabangsa di Singapura pada 30 Ogos lalu memang diduga akan disambut dengan reaksi panas dari orang ramai, khasnya bukan Melayu.

Saya katakan diduga kerana ucapan beliau itu merupakan ubat pahit yang terpaksa dikeluarkan untuk menghadapi realiti politik, ekonomomi dan sosial negara, tetapi tidak mahu ditelan oleh Melayu kerana ianya terlalu memeritkan tekak.

Reaksi-reaksi yang penuh emosi itu dapat dilihat sekurang-kurangnya dalam dua buah akhbar berbahasa Inggeris dan saya tidak tahu sejauh mana di dalam akhbar-akhbar berbahasa Cina dan Tamil.

---

\* Disiarkan dalam *Utusan Malaysia* 9.9.1986 dengan tajuk "Ucapan Dato' Abdullah Ubat Pahit Yang Mesti Ditelan".

---

Sebenarnya apa yang diperkatakan oleh Datuk Abdullah itu hanyalah imbasan kembali kedudukan sebenar sejarah politik negara yang nampaknya dari reaksi-reaksi yang dapat dibaca ternyata semakin dilupakan ataupun diambil ringan sahaja.

Disebabkan kurang memahami kedudukan sejarah lalu, maka generasi hari ini menjadi keliru dengan apa yang ada sekarang dan lebih malang lagi mereka melihat, misalnya Dasar Ekonomi Baru dari persekitaran yang ada di hari ini.

Demikian juga mereka terus mengungkit soal hak keistimewaan orang-orang Melayu yang dianggap sebagai punca diskriminasi kaum yang tiada tolok bandingnya di dunia ini. Pendapat yang begini jelas memperlihatkan betapa ceteknya pengetahuan sejarah silam di kalangan rakyat, lebih-lebih lagi bukan Melayu.

Oleh kerana generasi muda dan lama sudah mulai lupa akan percaturan politik masa lampau yang membentuk dasar-dasar hari ini, maka kita sudah tentu memerlukan seseorang bagi mengingatkan kita betapa ucapan-ucapan yang mempersoalkan hak keistimewaan orang-orang Melayu dan DEB adalah sangat merbahaya dan sensitif.

Dari reaksi yang kita baca, nampaknya terdapat pihak yang tidak memerlukan sesiapa mengingatkan mereka mengenai perkara ini, malah mereka mahu melupakan nya agar apa yang mereka cabar akan tergugat kedudukannya. Dengan itu mereka mengharapkan supaya kerajaan tidak meneruskan DEB apabila tempohnya tamat dan hak keistimewaan orang-orang Melayu turut dihapuskan.

Jika mereka menganggap ucapan Datuk Abdullah itu sensitif dan tidak patut dieluarkan kerana mengguris hati nurani bukan Melayu, maka demikian juga dengan cabaran terhadap DEB dan hak keistimewaan orang-orang Melayu menghiris jiwa-raga orang-orang Melayu.

Saya yakin ucapan yang dibuat oleh Datuk Abdullah itu terbit sebagai jawapan kepada apa yang dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang di sepanjang pilihanraya lalu yang mengeksplotasi isu-isu sensitif ini secara sepenuhnya hingga menimbulkan keresahan di kalangan orang-orang Melayu.

Jika isu-isu ini tidak dibangkitkan oleh orang-orang bukan Melayu, sudah tentu Datuk Abdullah merasa tidak perlu untuk membentangkan fakta-fakta sejarah bagi mengingati pihak-pihak yang mencabar

supaya memahami duduk perkara sebenarnya.

Apa yang dikatakan oleh beliau bukanlah perkara asing atau sengaja direka-reka, sebaliknya sebuah pernyataan sejarah yang mesti diterima oleh semua orang sekalipun pahit. Cuma bezanya, tidak ramai yang mengemukakannya secara begitu terang dan jelas.

Misalnya kita sering terdengar akhir-akhir ini bagaimana orang-orang bukan Melayu mula mempersoalkan secara meluas hak keistimewaan orang-orang Melayu, seolah-olah mereka tidak tahu kenapa perkara itu wujud dalam perlumbagaan.

Jadi adalah penting bagi orang-orang Melayu menjawabnya iaitu dengan memberitahu bahawa ianya adalah pertukaran dengan memberitahu bahawa ianya adalah pertukaran dengan hak kerakyatan yang diberikan kepada orang-orang bukan Melayu.

Malah terdapat juga hujah yang mengatakan 'generasi saya tidak pernah bersetuju untuk memberi hak keistimewaan kepada orang-orang Melayu. 'Dengan itu generasi Melayu hari ini juga boleh berkata bahawa mereka tidak pernah bersetuju memberi kerakyatan kepada bukan Melayu dahulu.

Jika inilah persoalannya, di manakah kita akan pergi dari sini? Persoalan ini ternyata boleh membangkitkan banyak kekeliruan jika tidak ada pengertian sejarah kita yang begitu unik.

Di dapati terdapat pembaca yang memarahi ucapan itu yang mengatakan ‘bahwa politik Malaysia adalah politik dominan orang-orang Melayu sebagaimana politik Singapura adalah politik dominan orang-orang Cina’.

Perkara ini juga adalah satu hakikat yang tidak patut dipertikai lagi. Kenapa orang-orang Melayu mendominasi politik Malaysia adalah jelas bukan sahaja kerana orang-orang Melayu mengambil peranan terpenting dalam membebaskan negara ini dari penjajah, tetapi juga disebabkan orang-orang Melayu adalah golongan majoriti.

Ini samalah juga dengan kenapa orang-orang Cina mendominasi politik Singapura, orang-orang Anglo-Saxon mendominasi politik Australia dan New Zealand. Soal jumlah rakyat adalah menjadi perhitungan penting dalam sistem demokrasi yang mengira undi setiap rakyatnya.

Tetapi dominan di Malaysia ternyata lebih liberal jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walaupun bumiputera adalah

golongan majoriti, tetapi kaum-kaum minoriti di sini mendapat hak yang lebih dari golongan minoriti di negara-negara lain, sekalipun di negara-negara Barat yang sentiasa mahu menonjokan diri sebagai jaguh kemanusiaan.

Misalnya seperti yang disebut oleh Perdana Menteri baru-baru ini bahawa orang-orang Melayu terbukti tidak pernah menyalahgunakan kuasa politik mereka, "walaupun UMNO boleh bersatu dengan PAS untuk membentuk kerajaan Melayu, tetapi kita tidak berbuat demikian. Sebaliknya kedudukan kerusi-kerusi MCA dalam kerajaan tidak terjejas walaupun prestasi mereka buruk."

Sejarah telah membuktikan bagaimana orang-orang Melayu yang mempunyai kuasa dominan di bidang politik tetapi sanggup berkongsi kuasa dengan bukan Melayu. Tetapi di bidang ekonomi, orang-orang Melayu tidak dapat berkongsi kuasa ekonomi dengan bukan Melayu jika semata-mata mengharapkan ianya datang secara ikhlas dari mereka.

Walaupun orang-orang Cina menyedari betapa orang-orang Melayu miskin di negara sendiri, tetapi tidak ada sebarang usaha mereka untuk berkongsi kuasa ekonomi.

Untuk membolehkan orang-orang Melayu naik di bidang ini, kerajaan terpaksa menggunakan kuasa politik hingga lahir DEB.

DEB sebenarnya adalah dasar sosialistik yang berusaha membahagi kekayaan negara secara adil dan membasmi kemiskinan. Ianya bukanlah dasar merampas harta kekayaan bukan Melayu dan diberikan kepada orang-orang Melayu, sebaliknya hanya usaha menolong orang-orang Melayu memajukan diri mereka sehingga mereka mampu berkongsi kek ekonomi negara.

Ianya tidak lebih dari dasar membantu orang-orang miskin supaya lahir satu masyarakat yang stabil dan sejahtera tanpa terdapat jurang perbezaan antara yang kaya dan yang miskin berdasarkan keturunan.

Jika orang-orang bukan Melayu duduk dengan tenang dan menilai kembali dasar ini mereka sudah tentu tidak membangkitkan hal ini dan menjadikannya isu dalam pilihanraya, termasuk menyalahkan pelaksanaannya sekaligus.

Sudah tentu tidak menjadi kesalahan kuasa politik Melayu yang dominan ini digunakan untuk menolong golongan miskin yang secara kebetulan terdiri dari orang-orang Melayu sendiri.

Sekarang ini terdengar dengan nyaringnya

soal ‘polarisasi kaum menjadi semakin serius selepas pilihanraya lalu.’ Kenapakah perkara ini boleh berlaku? Siapakah yang membangkitkan isu ini dan membakar perasaan rakyat dengan isu-isu sensitif?

Yang sangat ironis ialah pihak yang membakar itulah nampaknya kini bersuara lantang menyatakan keimbangannya. Mereka seharusnya tahu akan kesan-kesan yang lahir dari memain isu-isu itu. Sebelum dituduh bertanggungjawab, mereka terlebih dahulu menyuarakan keimbangan.

Politik yang beginilah yang sangat merbahaya. Saya rasa adalah wajar bagi pemimpin-pemimpin UMNO memberi jawapan yang tidak berselindung kepada persoalan yang sensitif ini. Selagi hal ini ditutup-tutup, selagi itulah ianya terus membakar perasaan yang dibimbangkan akan menggugat kestabilan negara.

Saya percaya ucapan Datuk Abdullah itu sebenarnya ada dalam kebanyakan fikiran dan hati orang-orang Melayu. Dan dengan ucapan itu, walaupun pahit untuk diterima, saya harap orang-orang bukan Melayu membacanya dengan hati dan fikiran terbuka dan mengakui nasib politik kita hari ini banyak ditentukan oleh sejarah politik silam sebagaimana di negara-negara lain juga.

sebuah pembangkang yang teguh di sebuah negara demokrasi.

Entah apakah yang mendorong Datuk Abdullah membuat ucapan keras yang berbunyi: "Pilihanraya umum baru-baru ini dalam mana pihak pembangkang mendapat tambahan undi yang banyak dan kecaman yang dibuat mengenai perlaksanaan DEB.

Keputusan pilihanraya itu, yang jelas membayangkan polarisasi para pengundi bandar dan luar bandar, jelas membayangkan betapa rakyat berbelah bagi dalam tanggapan mereka mengenai dasar-dasar tertentu kerajaan.

Peralihan sokongan pengundi-pengundi bandar kepada pihak pembangkang mungkin lebih difahami sebagai sambutan negatif kepada beberapa dasar atau peristiwa yang menjelaskan, atau yang mengancam akan menjelaskan mereka.

Di samping itu, kesan kelembapan ekonomi dan skandal BMF, selain dasardasar awam yang kontroversial tidak kurang mempengaruhi undi para pengundi bandar.

Adalah tidak adil melihat perkara ini sebagai satu cabaran kepada dasar-dasar kerajaan "yang bertujuan membantu orang-orang Melayu," seperti yang mahu

ditekankan oleh Datuk Abdullah.

Mengenai DEB, yang telah diterima umum, masalahnya adalah lebih rumit lagi. Sebagai satu alat penyusunan semula sosial dan pengagihan semula kekayaan, ia selama beberapa tahun lalu menjadi sasaran kecaman mengenai kesan-kesannya ke atas pelaburan dan polarisasi sosial.

Bukan hanya DEB sendiri yang menghadapi cabaran malah cara ianya dilaksanakan. Begitu juga, "dasar perkauman birokrasi," sebagai kesan sampingan negatif daripada DEB sungguh meyinggung perasaan ramai pihak. Jurang pengsaingan antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera yang terjadi kerananya paling menghantui fikiran orang-orang bukan Melayu.

Datuk Abdullah juga sungguh cekap membuat serkap jarang tentang orang-orang bukan Melayu. Beliau mengatakan kononnya sekiranya orang-orang bukan Melayu dianggap kelas dua, kerana mereka tidak dapat berharap untuk memegang teraju kuasa dan kementerian-kementerian di dalam kerajaan, orang-orang Melayu dan India juga merupakan rakyat kelas dua di Singapura. Lojik kata-kata beliau itu sungguh sukar hendak diikuti.

Beliau juga menghujah kononnya sekiranya orang-orang bukan Melayu merupakan rakyat kelas dua, maka begitulah juga dengan orang Melayu kerana miskin di negara mereka sendiri. Tentunya beliau tidak bermaksud mengatakan orang-orang bukan Melayu itu berada di sebuah negara asing.

Kenyataan beliau bahawa tidak akan wujud seorang lagi Tan Cheng Lock sungguh menghina. Dakwaannya bahawa sistem pemerintahan kita bukannya suatu sistem pilih kasih, tetapi memelihara hak orang Melayu mempunyai maksud yang ber-  
canggahan.

## **DEB DASAR PILIH KASIH\***

Oleh: Dr. Kua Kia Soong

**T**IADA siapapun meragukan bahawa ucapan oleh Datuk Abdullah Ahmad di Institut Hal Ehwal Antarabangsa Singapura baru-baru ini dibuat secara berani, malah lebih berani daripada yang cuba disampaikan oleh sebarang pemimpin UMNO setakat ini.

Sekiranya sejarah menjadi ukuran menge-nai mereka yang memburu kuasa politik dengan mengorbankan pendekatan moral kepada isu-isu sosial, maka Hitler, Musso-lini, dan orang-orang yang seperti mereka akan menerima hadiah-hadiah.

Mujurlah, golongan fasis berjaya dihapus-kan semasa Perang Dunia Kedua dahulu dan kita mewarisi dunia selepas perang yang berikrar mempertahankan demokrasi, hak-

---

\* Disiarkan dalam **Utusan Malaysia** 9.9.1986 dari tulisan asal yang terbit dalam **The Star**.

hak asasi manusia dan peraturan undang-undang.

Jelas sekali, Datuk Abdullah telah melupakan teras kemanusiaan pada pemikiran zaman moden bila beliau memberi amaran:

**“Janganlah kita lupa — sistem politik di Malaysia diasaskan pada kuasa Melayu.... Orang-orang Melayu mestilah menguasai politik di Malaysia sebagai mana halnya orang Cina menguasai politik di Singapura.....”**

**“Dasar Ekonomi Baru (DEB) hendaklah diteruskan bagi mengekalkan penguasaan orang-orang Melayu di dalam sistem politik selaras dengan ikatan 1957. Malahan selepas 1990, hendaklah terdapat jentera memastikan pemuliharaan, perlindungan dan pengembangan supaya sistem ini terus maju.”**

Satu-satunya “ikatan sosial” yang kita miliki bersama sebagai rakyat Malaysia ialah yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya Datuk Abdullah dapat membacanya dengan lebih jauh, beliau hendaklah memetik artikel dan klausa untuk menyokong penekanannya.

Tidak perlu dinyatakan lagi, negara Malaysia tidak mungkin lahir sekiranya konsep “penguasaan politik orang Melayu”

terkandung di dalam Pelembagaan 1957."

Ambillah isu penetapan garis sempadan kawasan pilihanraya yang tidak selaras: "Ikatan Sosial" 1957 itu menghendaki pembahagian 15 peratus kerusi untuk kawasan luar bandar sejak itu, para ahli politik yang tidak sabar telah bertindak sesuka hati mereka sendiri untuk meminda perlembagaan hingga hari ini pembahagian peratusan tersebut telah diubat jauh.

Ketidakselarasan yang begitu ketara tidak dapat diwajarkan semata-mata dengan menekankan kes-kes karut di Barat.

Datuk Abdullah mungkin menutup sebelah mata kepada kenyataan bila beliau mewajarkan keadaan kita di sini dengan menekankan bahawa ini "terjadi di manama, termasuk Amerika Syarikat di mana kawasan-kawasan pilihanraya perbandaran seperti di New York mempunyai 300,000 pengundi sementara kawasan-kawasan pilihanraya luar bandar seperti di Lowa mempunyai hanya 36,000 pengundi."

Ini mungkin benar tentang pilihanraya Dewan Senat, di mana setiap negara dibenarkan mempunyai dua orang Senator. Bagaimanapun, pilihanraya Dewan Perwakilan diasaskan pada penduduk dan negeri-negeri perbandaran sudah semesti-

nya diberikan lebih banyak kerusi daripada negeri-negeri luar bandar bagi membayangkan seberapa yang mungkin prinsip "seorang satu undi."

Betapa halnya sekalipun, penggunaan kes-kes karut bukanlah tidak berlaku di Barat tetapi tentunya ia bukanlah satu contoh yang boleh kita ikut sekiranya — seperti yang sering dikatakan oleh para ahli politik kita, kita adalah lebih bermoral dari pada orang-orang Barat.

Di sebalik berbagai celaan ditujukan terhadap institusi-institusi demokrasi kita, sistem politik kita masih diasaskan pada demokrasi berperlembagaan dan peraturan undang-undang. Sesiapa pun tidak boleh melupakan perkara ini.

Agak menarik sekali bahawa kita bersusah payah mengadakan pilihanraya tetapi setiap kali rakyat mengundi untuk pembangkang, mereka mudah dituduh bersikap chauvinist, "cuba meruntuhkan sistem politik Malaysia" dan diingatkan pula mengenai akibat buruk yang terjadi pada 13 Mei 1969.

Jika negara kita sebuah negara demokrasi tulen, tiada sebab kenapa rayuan supaya dilindungi hak-hak yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan patut disifatkan sebagai cabaran kepada "pe-

Oleh itu, jika sekalipun 10 jawatan menteri diberikan kepada bukan Melayu, ini tetap tidak dapat mengatasi penderitaan mereka.

Namun demikian, rakyat Malaysia tidak perlu merasa putus asa. Berpandukan kepada keputusan pilihanraya dahulu dan pengajaran daripada DEB, sinar harapan tetap ada.

Masih terdapat ramai orang Melayu Cina, India dan rakyat Malaysia lainnya yang mempertahankan demokrasi, persamaan hak dan tanpa pilih kasih untuk mencapai perpaduan nasional.

Oleh itu, apa juga persamaan yang ada pada kita, janganlah biarkan ianya dihapuskan oleh ahli politik yang gelojoh.

## **REAKSI ORANG CINA**

Oleh: Kadir Abadi

**O**RANG Cina di negara ini jarang diingatkan dengan realiti sejarah yang mewujudkan sistem politik di negara ini hari ini, kecuali 13 Mei, 1969. Jenerasi baru rakyat keturunan Cina lebih degil dengan realiti tersebut.

Keadaan ini tidaklah menghairankan kerana jenerasi pertama dan kedua pemimpin Cina telah menjadi kian pelupa sehingga mereka sendiri tidak berbuat apa-apa apabila muncul para pemimpin muda Cina yang dengan lantang dan degilnya menafikan adanya Kontrak Sosial tahun 1957.

Mereka juga mengambil sikap indah tak indah tentang pendapat intelektual Cina dari jenerasi merdeka yang menafikan apa jua ‘ikatan’ mereka dengan kerakyatan baik *jus soli* atau *jus sanguinis*.

Kini, setelah mereka hidup dengan begitu bebas, dengan kuasa ekonomi dan politik, dengan pengaruh pendidikan golongan mereka, mereka telah mengakui dengan beraninya bahawa kerakyatan adalah hak mereka dan tiada apa-apa perjanjian dengan orang Melayu pada ketika mereka diberikan kerak-

yatan oleh pemimpin-pemimpin Melayu dahulu.

Ramai pemimpin Cina, termasuk dari MCA dan Gerakan – apa lagi dari DAP dan golongan-golongan ‘pressure groups’ – yang begitu sensitif apabila ada orang Melayu menyuarakan pendapat mereka secara terbuka tentang kuasa politik mereka yang kian terlepas ke dalam tangan orang Cina. Mereka begitu radang kepada orang Melayu apabila mereka diingatkan kepada ketuanan Melayu sebagai peraturan dan asas politik di negara ini.

Di antara mereka yang termasuk dalam kelas ini ialah pemimpin-pemimpin Cina seperti Dr. Ling Liong Sik, Dr. Goh Cheng Teik, Lim Kit Siang dan Dr. Tan Chee Khoon. Hujah mereka yang paling popular sekali ialah kononnya para pemimpin Melayu yang menggunakan isu ketuanan Melayu ber cita-cita untuk memanjat tangga politik. Tetapi tangga manakah yang mereka guna ketika mereka memanjat untuk menjadi pemimpin dahulu?

Yang sebenarnya mereka sengaja melupakan kritikan-kritikan dan bidasan-bidasan mereka yang begitu tajam dan pedih terhadap orang Melayu yang dilakukan menerusi kritikan terhadap Dasar Ekonomi Baru sejak beberapa bulan sebelum ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singpura pada 30 Ogos 1986 itu.

Para pemimpin Cina, terutama dari MCA dan Gerakan, tidak henti-henti menggunakan isu DEB untuk mengkritik kerajaan sehingga akhbar dan majalah luar negeri merasakan perlu untuk menyertai dan menyebelahi orang Cina dalam isu ini.

Orang Melayu yang memerintah negara ini diberi gambaran oleh akhbar dan majalah ini sebagai penindas dan pemeras, tanpa disedari mereka bahawa yang tertindas dan terperas sebenarnya ialah orang Melayu, iaitu ‘tuan’ negara ini sendiri.

Para pemimpin Melayu sejak dari Tengku Abdul Rahman sampailah ke zaman Tun Razak, Tun Hussein Onn, bahkan zaman Mahathir sendiri pada hari ini banyak melakukan kesilapan dalam menentukan dasar-dasar ekonomi dan politik di negara ini. *Pada satu nafas mereka mahu orang Melayu menjadi ‘tuan’ di negara ini tanpa sesiapa juga berani mencabar kuasa ‘tuan’ tersebut, tetapi dalam nafas yang sama itu juga mereka mahu orang Cina diberi kuasa yang hampir sama banyak dengan orang Melayu. Lama kelamaan, tanpa disedari oleh penggubal-penggubal dasar itu sendiri mereka akhirnya mendapati diri mereka telah terlepas ke dalam kuasa tangan orang Cina. Kuasa yang terlepas belum total lagi tetapi proses ke arah itu sedang berjalan perlahan-lahan.*

Akibat kelalaian Tengku tanpa disedari oleh beliau sendiri lama-kelamaan beliau mendapati diri beliau dibenci oleh orang Melayu kerana sikapnya yang gemar bertolak ansur dengan para pemimpin Cina. Saya yakin mungkin hari inipun Tengku tidak begitu faham bagaimana sebagai seorang ‘Bapa Kemerdekaan’ beliau boleh menjadi begitu tidak popular dalam tahun-tahun akhir pentadbiran beliau. Keadaan yang dihadapi oleh Tengku hampir mempunyai persamaan dengan keadaan

yang dihadapi oleh Dr. Mahathir pada hari ini, walaupun isunya mungkin berbeza.

Tengku, seperti Mahathir, mungkin menganggap mereka menjadi mangsa para penentangnya. Memang anih, Tengku seolah-olah tidak lagi begitu faham mengapa secara tiba-tiba beliau tidak popular dan menjadi sasaran kecaman orang Melayu yang seugama dan seketurunan dengan beliau. Nampaknya, Dr. Mahathir juga dalam keadaan seperti Tengku pada akhir 1960an.

Kepimpinan memanglah sesuatu yang teramat pelik, terutama apabila tidak ramai pemimpin yang ingin mengakui kelemahan-kelemahan mereka dan tidak faham mengapa terdapat kelemahan pada diri mereka pada ketika mereka yakini tidak patut ada orang lain yang harus menggantikan mereka.

Orang Melayu dan UMNO mungkin tidak berada dalam keadaan yang sesulit hari ini kalau Parlimen terus digantung untuk satu tempoh waktu yang panjang selepas peristiwa 13 Mei, 1969. Jemputan semula kerajaan terhadap orang Cina dalam pentadbiran selepas 13 Mei adalah satu kesilapan besar yang pernah dilakukan oleh orang Melayu.

Tetapi barangkali ini adalah satu pelajaran yang paling pedih yang harus dipelajari oleh orang Melayu. Tun Hussein dan Dr. Mahathir mungkin sedar hari ini bahawa mereka tidak seharusnya bersikap begitu liberal dalam dasar-dasar mereka dalam kaitannya dengan kuasa politik. Saya berkata begitu kerana saya tahu orang Melayu dalam keadaan sulit setelah melihat Pulau Pinang hanyut dan kini Sabah

pula terlepas.

Siapakah yang boleh menyalahkan Dato' Abdullah Ahmad dengan ucapan beliau yang begitu berterus-terang di Singapura itu? Malangnya, ramai orang Melayu di negara kita masih tidak sedar dengan percaturan politik Melayu-Cina di Malaysia hari ini. Kebanyakan dari mereka lebih suka melihat masalah yang ditimbulkan oleh Dato' Abdullah Ahmad itu dari sudut peribadi, yakni melihat orang yang berkata dan bukan apa yang dikata.

Sikap ini menggalakkan perpecahan dalam pimpinan orang Melayu kerana ia menunjukkan seolah-olah tiada seorangpun pemimpin Melayu yang patut bercakap benar. Ada di antara mereka telah termasuk ke perangkap orang Cina, seolah-olah siapa juga pemimpin Melayu yang berhujah tentang ketuanan Melayu serta-merta dianggapnya sebagai platform untuk memanjat tangga kuasa.

Mereka ini – orang-orang Melayu yang syak dan curiga ini – tidak faham bahawa orang Melayu amat memerlukan otak yang baik untuk mengekal dan mengukuhkan kuasa politik di tanahair mereka sendiri. Bagaimanakah orang Melayu akan dapat mengekalkan kuasa politik mereka kalau mereka tidak tahu cara-cara untuk menggunakan kuasa politik? Bagaimanakah mereka akan mengukuhkan kekuatan politik mereka kalau kuasa politik berada dalam tangan orang-orang Melayu bodoh, yang saban hari menjadi alat dan penyambung lidah orang Cina?

Di bawah ini saya sengaja menurunkan pendapat dan sikap orang Cina pada keseluruhannya untuk membuktikan bahawa orang Melayu bukan sahaja mahukan bilangan yang besar untuk mencapai cita-cita politik yang lebih tinggi, bahkan mutu, kualiti atau otak yang bernilai tinggi. Siapakah yang berani berhujah jika dicabar oleh orang Cina dalam situasi di mana otak orang Melayu berkebolehan sederhana?

Memang benar ramai orang Melayu sekarang memiliki ijazah doktor falsafah, sarjana dan sebagainya. Tetapi di manakah orang Melayu yang berijazah tinggi-tinggi ini ketika para pemimpin dan intelektual Cina mencabar DEB dan dasar-dasar yang digubal oleh para pemimpin Melayu?

Adalah amat memalukan kalau masih wujud sebilangan orang Melayu yang masih dibuaikan oleh khayalan slogan "pelbagai kaum", padahal mereka lah orang-orangnya yang begitu taksub untuk mengubah kerajaan yang dipimpin oleh Tengku Abdul Rahman pada akhir 1960an dahulu.

Mereka ini jelaslah telah ketinggalan dalam pergolakan politik yang melibatkan masa depan orang Melayu di negara ini hari ini. Khayalan orang-orang Melayu yang seperti inilah yang boleh memberi laluan mudah kepada para pemimpin Cina yang bercita-cita untuk menurut jejak langkah Lee Kwan Yew.

Saya ingin mengingatkan orang Melayu yang seperti ini bahawa jika mereka terus memberi layanan kepada khayalan mereka yang sia-sia itu, mereka jangan keciwa jika pada satu hari kelak mereka

akan kekal terbenam dalam sejarah sebagai pembe-lot kepada bangsa sendiri! Belajarlah dari sejarah Feringgi dan Belanda di zaman Melaka. Janganlah mereka berharap-harap bangsa-bangsa lain akan datang menyelamatkan mereka kalau mereka teng-gelam akibat perbuatan mereka sendiri. Janganlah mereka mimpikan bangsa Arab atau bangsa-bangsa lain yang beragama Islam datang membantu orang Melayu yang sedang menghadapi kesusahan. Hanya bangsa Melayu yang boleh menyelamatkan bangsa Melayu.

Reaksi orang Cina terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura itu begitu cepat dan berani sehingga mungkin ada orang Melayu yang tahu apa yang sebenarnya telah berlaku dalam negara mereka hari ini. Mereka mungkin tertanya-tanya siapa 'tuan', siapa 'penumpang', siapa yang telah digigit tangan yang pernah memberi makan?

Seorang penulis (bekas wartawan majalah yang berpusat di Hong Kong, *Far Eastern Economic Review*), K. Das, bertanya Dato' Abdullah Ahmad "kenapa kita harus bertolak dari ketuanan politik Melayu? Ke manakah kita pergi dari sini kalau saudara cadangkan bahawa ketuanan Melayu akan menjadi bentuknya selama-lamanya?" dan banyak lagi pertanyaan-pertanyaan yang pada akhirnya menyebabkan orang Melayu tertanya-tanya sendiri adakah selama ini orang Cina dan orang-orang bukan Melayu lainnya berpura-pura menerima hakikat realiti sejarah (iaitu berasaskan ketuanan dan sistem politik Melayu), setelah mereka mendapat ke-

nikmatan menjadi warganegara yang sah dan berdaulat, mempunyai kuasa politik yang cukup untuk menggugat orang Melayu dan berkuasa dalam bidang ekonomi yang kini telah melemahkan kuasa politik orang Melayu itu?

Tidak syak lagi begitu banyak soalan-soalan yang dikemukakan oleh orang-orang bukan Melayu seperti wartawan ini, bahkan oleh para pemimpin MCA, Gerakan dan DAP sendiri setelah mereka mempunyai kedudukan yang kuat sedikit. Jika kedudukan mereka ini cukup kuat kelak, saya percaya pertanyaan-pertanyaan orang-orang ini akan terbalik seperti pertanyaan orang Melayu kepada mereka pula.

Kenapa mereka tidak menimbulkan pertanyaan-pertanyaan ini sebelum orang Melayu menjemput mereka mentadbirkan negara ini? Kenapa mereka tidak bertanya soalan-soalan ini sepuluh tahun selepas merdeka, walaupun kita tahu percubaan-percubaan mereka ketika itulah yang meledakkan peristiwa kekacauan kaum 13 Mei, 1969. Jawabnya mudah: sekarang mereka tahu mereka berjaya mendapatkan apa yang mereka cita-citakan, walau pun kejayaan itu belum begitu besar. Tetapi seperti yang saya katakan terdahulu, proses ke arah menenggelamkan pengaruh dan melenyapkan kuasa politik orang Melayu sedang berjalan beransur-ansur.

Hakikatnya sekarang orang Melayu dan para pemimpin Melayu, termasuk Dato' Abdullah Ahmad hendaklah sedar bahawa kuasa politik orang Me-

layu kian merosot. Mereka harus sedar jika mereka – para pemimpin Melayu – tidak merancang untuk memperkuatkan kuasa politik tersebut dengan tidak lagi merujuk kepada tolak ansur, maka orang lain akan merancang untuk menghancurkan kuasa politik tersebut.

Orang Melayu akan sedar kebenaran kenyataan saya ini setelah mereka melihat di sekeliling mereka: golongan terpelajar Cina semakin ramai dan rata-rata mendapat kelulusan yang baik dari universiti-universiti seberang laut. Bahkan kebanyakan yang cuba diserapkan ke dalam parti-parti politik Cina hari ini datang dari universiti-universiti Harvard, Oxford, Cambridge, London School of Economics, Stanford, Boston, Monash dan sebagainya.

Mereka mendapat peluang yang besar daripada badan-badan swasta dan kerajaan asing untuk menyertai rancangan-rancangan latihan di universiti-universtii dan pusat-pusat kajian lanjutan di luar negeri. Pelbagai biasiswa didedah dan diberikan kepada mereka, sedangkan orang Melayu masih tertumpu kepada MARA, biasiswa persekutuan, biasiswa negeri, biasiswa badan-badan berkanun dan lain-lain untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang yang jauh lebih rendah keperluannya jika dibandingkan dengan jurusan-jurusan atau bidang-bidang yang dimasuki oleh pelajar-pelajar Cina.

Tetapi orang Melayu, termasuk kerajaan sendiri, masih belum sedar. Orang Melayu kini semakin sukar untuk mendapatkan biasiswa atau pinja-

man untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri, walaupun para pemimpin Melayu dan pegawai-pegawai birokrasi itu sedar bilangan orang Cina yang mendapat didikan tinggi di luar negeri jauh lebih ramai dari bilangan pelajar Melayu.

Kata setengah-setengah pemimpin Melayu ini, kita ingin menjadikan orang Melayu bangsa yang berdikari. Mereka tidak lagi perlu dibantu atau ditolong untuk mendapatkan biasiswa. Bahkan jumlah biasiswa untuk pelajar-pelajar Melayu bukan sahaja ditukar jadi pinjaman, malah dikurangkan jumlahnya kerana menyangka orang Melayu boleh mengirim anak mereka dengan senang ke luar negeri.

Dengan lain-lain perkataan, dari segi bilangan atau jumlah orang Melayu sudah kalah kepada orang Cina, yakni bilangan orang Cina yang mendapat pelajaran universiti lebih ramai daripada orang Melayu. Jika dikira mutu pelajaran atau kursus atau universiti yang dihadiri oleh pelajar Cina, orang Melayu jauh ketinggalan!

Tetapi malangnya para pemimpin Melayu masih tidak tahu di mana puncanya orang Melayu boleh hilang kuasa politik. Mereka mungkin menganggap selagi bilangan orang Melayu yang menjadi wakil rakyat dalam parlimen dan dewan-dewan undangan negeri mengatas bilangan orang Cina kuasa politik akan kekal dalam tangan orang Melayu. Betulkah begitu?

Apa yang telah terjadi pada hari ini selepas hampir tiga puluh tahun kita merdeka? Orang Melayu masih menguasai parlimen dan dewan-dewan

negeri tetapi adakah mereka menguasai kuasa politik sepenuhnya? Para pemimpin Melayu yang tidak begitu peduli apa yang akan terjadi kepada jenerasi orang Melayu akan datang dengan tertibnya akan berkata negara ini negara majmuk dan kita perlu berkongsi kuasa dengan orang lain.

Mereka tidak sedar sikap para pemimpin Melayu seperti ini akan memberi laluan mudah kepada pemimpin-pemimpin Cina yang cerdik. Masalahnya memang senang difahami: sementara mereka mendokong perkongsian kuasa mereka juga tidak berbuat apa-apa untuk perkuatkan jaminan bahawa tembok kuasa politik Melayu tidak akan roboh pada satu hari kelak.

Bagaimanakah pemimpin-pemimpin Melayu akan memberi jaminan ini kalau orang Cina terus-menerus mendesak dan menuntut hak mereka di-negara ini? Ucapan Dato' Abdullah Ahmad menegnai ketuanan Melayu itu bukan sahaja menjadi ujian yang sangat penting kepada ketaat-setiaan orang Cina kepada Kontrak Sosial 1957 yang kini terbukti tidak lagi penting kepada orang Cina.

Ramai intelektual Cina menulis dalam akhbar **The Star** untuk menangkis konsep ketuanan Melayu yang disuarakan oleh Dato' Abdullah Ahmad itu. Salah seorang daripada mereka menulis dalam akhbar itu demikian: "Kabinet baru harus sedar bahawa lanjutan kepada DEB dan dasar-dasar yang bersangkutan dengannya tanpa penilaian semula yang serious akan mempercepatkan ketegangan kaum.

"Kerajaan sepaututnya mendokong dasar 'meritocracy' di mana hadiah berdasarkan kerajinan, kebolehan dan kelulusan sesuai dengan sistem ekonomi bebas hari ini. Ini akan menggalakkan penciptaan, persaingan dan akhirnya penghasilan di kangan rakyat jelata." Kewarganegaraan, kata penulis ini, adalah haknya sebagaimana ianya hak kepada keturunannya dan kepada semua rakyat di negara ini.

Seorang penulis lain dalam akhbar yang sama bertanya, seperti wartawan **Review** yang saya sebutkan sebelum ini, kalau-kalau sistem ketuanan politik Melayu ini sihat untuk diamalkan di negara ini.

Pemangku Presiden MCA, Ling Liong Sik, mengecam ucapan Dato Abdullah Ahmad, walaupun dia tahu jika tidak kerana ketuanan Melayu MCA mungkin telah lama dihancurkan oleh komunis.

Pengerusi kebangsaan DAP, Dr. Chen Man Hin, yang masih terlalu tebal dengan sikap kecinaannya itu, seolah-olah membuatkan kita berfikir beliau ialah seorang pemimpin Cina di negara komunis, berkata bahawa "perlembagaan negara ini tidak menyebut kuasa politik dan hak untuk berkuasa terserah ke dalam tangan orang Melayu buat selamanya."

Setiausaha Agung parti itu, Lim Kit Siang, telah mengkritik kerajaan kerana membenarkan ucapan Dato' Abdullah Ahmad disiarkan sepenuhnya dalam akhbar-akhbar **The New Straits Time**, **Utusan Melayu** dan **Berita Harian**. Malah, yang

mungkin tidak disangka-sangka oleh Kit Siang ialah ucapan itu juga disiarkan sepenuhnya dalam *The Straits Times*, Singapura.

Pemimpin-pemimpin Pergerakan Pemuda MCA pula mengambil tindakan yang lebih bodoh. Mereka membuat lapuran polis terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad, yang menurut mereka merbahaya kepada perhubungan kaum, walaupun mereka sendiri dan para pemimpin MCA sendiri, apabila ada peluang, membidas kerajaan dengan lebih dahsyat lagi terutama dasar-dasar yang bersabit dengan DEB.

Tetapi apabila mereka mengkritik kerajaan mereka kata bukan dasarnya tetapi pelaksanaan, walaupun yang semakin ramai menjadi kaya ialah golongan mereka dan yang semakin banyak mendapat konsesi politik ialah rakyat keturunan mereka, yang mereka tidak mungkin mendapatnya walaupun pada kulitnya sahaja kalau mereka tinggal di Thailand dan Indonesia.

Seperti pemimpin MCA, maka Gerakan juga tidak mahu ketinggalan dalam kritikannya terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad. Katanya, ucapan Dato' Abdullah Ahmad boleh menimbulkan kemarahan orang, walaupun dia tahu orang Melayu bukan sahaja telah lama marah dengan kuasa politik yang dikuasai oleh orang Cina di Pulau Pinang, bahkan hatinya juga sering berdarah apabila memikirkan tindak-tanduk para pemimpin Cina seperti beliau dalam tahun 1960an dahulu. Malah, jika orang Melayu, tidak sabar, Lim Keng

Yaik mungkin tidak akan dapat mengecap nikmat kuasa politik di Pulau Pinang pada hari ini.

Orang Cina yang telah membenci sejarah kerana sejarah akan mendedahkan hak mereka sebenar di negara ini, kini menggunakan taktik lain untuk memberi pengesahan kepada tuntutan dan tindakan mereka. Salah seorang yang menulis dalam **The Star** berkata: "Orang bukan Melayu telah sama-sama berjuang menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan. Semua bentuk ketuhanan oleh mana-mana bangsa hendaklah ditolak. Biarlah ia dijadikan semangat berkongsi dan kembali kepada asal dan prinsip 'bertolak ansur' serta persaudaraan."

Propaganda yang seperti inilah yang melalaikan para pemimpin Melayu – "tolak ansur", "persaudaraan", "kembali kepada prinsip". Mengakhiri tulisannya penulis ini berkata: "Darah orang Melayu tiada bezanya dengan darah orang bukan Melayu. Kita semua di bawah kuasa Tuhan.'

Orang Melayu yang mengamal dan mendokong sosialisme antarabangsa atau seperti beberapa kerat yang memperjuangkan 'isme' masyarakat berbilang kaum mudah menjadi mangsa bagi umpan-umpan seperti ini. Mereka hanya akan terpegun dan terkejut setelah mereka menjadi nasib orang Islam di sekitar Baitulmuqaddis. Atau apabila anak cucu mereka tiada lagi menikmati apa yang pernah mereka nikmati pada ketika mereka menyangka nasib mereka dan anak cucu mereka tidak berubah dengan cuma menyanjung dan mendokong dasar "ma-

syarakat majmuk” untuk berkongsi kuasa politik dengan orang lain.

Seorang intelektual Cina, Dr. Kua Kia Soong, menggunakan taktik Yahudi apabila beliau menulis dalam *The Star* mengeji ketuanan Melayu.

Menurutnya, ketuanan Melayu hampir serupa jika tidak betul-betul serupa dengan fascism Jerman (di bawah pimpinan Hitler), Itali (di bawah Mussolini) dan Jepun (di bawah pimpinan Jen. Tojo). Dr. Kua terlupa fascism “Bintang Tiga” pada awal tahun 1940an di Tanah Melayu ketika orang Cina menyembelih orang Melayu kerana menganggap mereka yang sepatutnya berkuasa selepas Jepun kalah.

Dia juga mungkin terlupa fascism Cina dalam perang antara Komunis dan Kuomintang di negeri China. Yang paling baru sekali yang terjadi di negeri kita yang orang-orang seperti Dr. Kua mungkin sengaja melupakannya kerana tidak gemarkan sejarah kaum imigran di negara ini, ialah Zaman Darurat 1948–1960. Saya tidak ingat orang Melayu mempunyai sejarah fascism. Tetapi begitu banyak dalam buku-buku sejarah di mana fascism yang sebenarnya telah diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Cina dalam Parti Komunis Malaya (PKM). Kecuali kalau Dr. Kua ingin menganggap peristiwa 13 Mei itu sebagai fascism Melayu!

Seorang lagi intelektual Cina yang menafikan budi orang Melayu ialah Dr. Ronnie Ooi Oon Seng. Dia menulis demikian dalam *The Star*. “DEB ialah satu konsesi selain dari kontrak sosial 1957 yang

diberi dengan sukarela oleh orang-orang bukan Melayu tanpa apa-apa balasan.' Tanpa apa-apa balasan?

Apakah yang para pemimpin Melayu boleh harapkan dari orang Cina dan para pemimpin mereka yang bersikap begini? Bolehkah orang Melayu meneruskan pentadbiran dengan bentuk yang ada sekarang tanpa mengubahnya sekali lagi bagi memastikan orang Cina benar-benar faham apa yang dikatakan ketuanan Melayu dan sistem politik Melayu itu? Tidak ada orang lain yang boleh mengubah status quo ini kalau orang Melayu sendiri berdiam diri.

Perubahan yang cukup besar dan menyeluruh perlu dalam kerajaan sekarang sesuai dengan tuntutan dan kehendak-kehendak baru orang Cina. Saya tidak fikir saki-baki kepimpinan 1960an yang masih dikekalkan dalam kerajaan hari ini dan yang masih diusaha untuk dimasuki supaya memimpin orang Melayu dalam tahun 1980an ini, boleh melanjutkan ketuanan Melayu. Apa lagi untuk memperluas dan mengukuhkannya.

## **REAKSI ORANG MELAYU**

Oleh: Kadir Abadi

**S**ELAIN dari ahli-ahli politik dan para pemimpin negara tidak ramai yang ingin menyertai perdebatan mengenai isu ketuanan Melayu dan dasar-dasar ekonomi dan politik UMNO. Intelektual Melayu yang begitu banyak dan diketahui rajin membuat penyelidikan mengenai ilmu politik dan sosiologi tiba-tiba sunyi sepi. Yang kedengaran dengan lantangnya hanya dari satu pihak sahaja dari golongan kaum intelektual, iaitu intelektual Cina. Dari kalangan orang Melayu hanya ahli-ahli politik yang merasakan penting persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Dato' Abdullah Ahmad dan kemudian dijawab oleh para pemimpin Cina dan kaum intelektual mereka itu, diberi perhatian.

Apa yang telah terjadi kepada intelektual Melayu? Adakah mereka tidak sensitif lagi kepada kecaman dan kritikan kaum Cina? Atau adakah kerana soal-soal yang dibangkitkan itu soal politik yang dipertikaikan oleh UMNO dan MCA serta Gerakan dan oleh yang demikian tidak sesuai di-

sertai oleh ahli-ahli akademik untuk dibuat tafsiran dan ulasan? Tidak siapa yang mungkin dapat memberi jawapan yang tepat. Yang agak jelas ialah intelektual Melayu telah keciwa dengan UMNO.

Mereka amat keciwa dengan kecaman dan kritikan para pemimpin tertinggi UMNO. Saya tahu dalam beberapa ucapan beberapa orang pemimpin tertinggi parti itu golongan intelektual Melayu sering diperli, seolah-olah mereka hanya ahli-ahli akademik yang pandai mengkritik sahaja. Dengan lain-lain perkataan, teguran para akademik dianggap tidak positif dan konstruktif.

Dato' Abdullah Ahmad dari satu segi menjadi mangsa keadaan. Ucapan beliau di Singapura sepatutnya mendapat sambutan hangat golongan cerdik pandai Melayu, apapun jua tujuan dan cita-cita beliau yang sebenarnya. Tetapi mereka mengambil keputusan untuk berdiam diri.

Tetapi Dato' Abdullah Ahmad berasib baik. Ucapan beliau telah mendapat pembelaan yang serious dari pemimpin-pemimpin UMNO di Persidangan Agung UMNO dalam bulan September 1986 yang lepas.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Anwar Ibrahim, misalnya, memberi amaran di persidangan itu, "Jika Pemuda MCA begitu lantang mengungkit-ungkit isu tersebut (DEB dan lain-lain isu yang berkaitan), maka Pemuda UMNO juga berhak mengungkit kembali soal kewarganegaraan orang-orang Cina." Anwar juga mengingatkan orang-orang Cina supaya jangan terlalu mudah ingin

memadamkan fakta sejarah setelah menikmati berbagai kemudahan selepas merdeka. "Mereka harus bertanggungjawab jika sesuatu terjadi akibat tindakan mereka itu," beliau memberi amaran.

Ketuanan Melayu, menurut Anwar, tidak boleh diberi jaminan dengan sendirinya jika tidak diikuti dengan langkah-langkah untuk memperbaiki nasib orang Melayu dalam bidang-bidang ekonomi dan sosial. Kuasa politik pula, kata Anwar lagi, adalah untuk digunakan untuk mencapai kedudukan ekonomi orang Melayu yang kukuh.

Tokoh-tokoh Pergerakan Pemuda yang lain turut mengcam sikap orang-orang Cina terhadap UMNO dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh parti itu. Mereka bukan saja mahu supaya DEB di-teruskan tanpa meletakkan tarikh berhenti, bahkan mendesak kerajaan supaya bertindak menghentikan perkhidmatan menteri dan timbalan menteri parti-parti MCA dan Gerakan yang mempersoalkan DEB.

Penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan perindustrian hanya 18 peratus berbanding dengan 56 peratus penyertaan bukan Melayu. Sungguhpun orang Melayu masih menguasai kuasa politik, dalam bidang-bidang lain orang Melayu rata-rata terus mundur.

Malah kuasa politik yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Melayu hari ini harus dipersoalkan kerana terlalu banyak kebebasan dan peluang telah diberi kepada sektor-sektor yang berkemampuan untuk melemahkan kuasa politik

itu sendiri. Dasar-dasar ‘senjata makan tuan’ ini sepatutnya dihentikan serta-merta.

Seorang anggota perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO dari Temerloh mengkritik kerajaan kerana tergesa-tergesa melaksanakan dasar-dasar yang digubal dan akibatnya timbul ketidakpuasan yang tidak putus-putus. Beliau mengingatkan orang-orang Cina di negara ini bahwa sekiranya orang Melayu ditolak terlalu kuat sehingga mereka terpaksa bertindak balas, maka tindak balas itu ialah menukar sistem pemerintahan yang ada sekarang untuk kepentingan orang Melayu sahaja.

Pandangan-pandangan Dato' Abdullah Ahmad dalam ucapannya di Singapura pada 30 Ogos 1986 itu banyak ditimbulkan semula oleh anggota-anggota perwakilan UMNO di Persidangan Agung UMNO dalam bulan September tersebut.

Beberapa hari sebelum itu, iaitu pada 14 September 1986 Utusan Malaysia telah menjadikan isu ucapan Dato' Abdullah Ahmad itu sebagai berita muka depan ('lead story'). Berita yang bertajuk "Bukan Pandangan Parti – Mahathir" ini ialah hasil satu temuramah antara Perdana Menteri dan Pengarah Urusan Kumpulan Utusan Melayu, Mazlan Nordin.

Dalam temuramah itu Dr. Mahathir menafikan kononnya pemimpin-pemimpin tertinggi parti mempunyai peranan dalam ucapan Dato' Abdullah Ahmad tersebut. Penafian tersebut dibuat bagi kali kedua. Penafian pertama ialah sewaktu Perdana Menteri ditanya mengenai ucapan tersebut sekem-

balinya dari Sidang Negara-Negara Berkecuali di Harare, Zimbabwe.

Malangnya, temuramah yang dikatakan 'khas' oleh Mazlan itu tidak memuat berita yang panjang dari temuramah tersebut, hanya berita dua 'column' kali sepuluh inci.

Pada hari Dato' Abdullah Ahmad berucap di Singapura, Mahathir telah mengeluarkan satu kenyataan lagi kepada orang Cina. Beliau menolak sebagai 'tidak berasas' kebimbangan orang Cina terhadap 'kuasa Melayu'. Orang Melayu telah mencatat sejarah gemilang tentang ketidak-penyalahgunaan kuasa, kata Mahathir. Yang patut bimbang, jelas Perdana Menteri, ialah orang Melayu kerana adanya kecenderungan orang Cina untuk berkumpul dan bersatu untuk mencabar faham berbilang kaum.

Mahathir telah menyebut tentang wujudnya golongan chauvinist Cina yang sedang menimbulkan ketakutan dikalangan bukan Melayu dengan menggambarkan orang Melayu sebagai 'penjahat'. "Sekiranya UMNO hendakkan kuasa Melayu, UMNO boleh berbuat demikian. UMNO boleh bersatu dengan PAS dan menubuahkan kuasa Melayu. Singapura tidak boleh mencabar dan kita pasti boleh mendapat lebih dari 50 peratus kerusi di Parlimen," tegas Mahathir.

Malah, kata Perdana Menteri, UMNO akan menjadi popular dengan tidak berkawan dengan orang-orang Cina. Beliau kemudian mengungkit mengenai pemberian kewarganegaraan kepada

orang Cina. "Apabila kita bersetuju untuk memberikan kerakyatan kepada orang-orang Cina dalam tahun 1955, kita tidak pernah cuba merebut kembali kuasa yang diberikan kepada orang-orang Cina," tegas beliau.

Kenyataan ini yang terbit dalam akhbar-akhbar pada hari yang sama dengan ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura dengan cepat ditafsirkan sebagai mempunyai ciri-ciri persamaan dalam nada dan tekanan fakta. Oleh itu Dato' Abdullah Ahmad dikatakan mendapat restu Mahathir untuk berucap di Singapura.

Akhbar-akhbar Melayu memang memberi publisiti yang agak ketara kepada reaksi dari ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura itu tetapi tidak begitu ketara jika dibandingkan dengan kecaman-kecaman bukan Melayu dalam akhbar Cina dan Inggeris. Dalam *The Star* kecaman-kecaman yang ditujukan kepada UMNO secara tak langsung memakan masa beberapa bulan.

Ishak Haji Muhammad, bekas pemimpin API dan PKMM, yang lebih dikenali dengan nama pena 'Pak Sako' dan 'Pak Pandir Moden', mengulas dalam ruangan 'Simpang-Simpang Jalan'nya dalam *Utusan Malaysia* dengan memuji Dato' Abdullah Ahmad kerana 'keberanian'nya menyatakan dengan terus-terang hak-hak orang Melayu yang mutlak ditanahair mereka.

Menurut Ishak, kaum-kaum pendatang harus faham dan memuji Dato' Abdullah Ahmad kerana ucapannya yang tegas dan berterus-terang itu.

Malah Ishak telah mengkritik sikap orang Melayu sekarang yang telah begitu berubah dan tidak peduli kepada nasib negara dan jenerasi mereka akan datang.

Kata Ishak: "Sikap orang Melayu walaupun sesudah 29 tahun merdeka tidak lagi serupa sebelum merdeka. Cinta terhadap watan telah merosot. Cinta terhadap bahasa dan kebudayaan kini tipis seperti lalang."

Seorang lagi 'orang lama' parti yang menulis dalam *Utusan Malaysia* ialah Sulaiman Alias. Sulaiman telah menekankan tentang dasar 'kemelayuan' yang harus diakui oleh orang-orang Cina di negara ini, sebagaimana orang Melayu mengakui dasar-dasar 'kecinaan' kerajaan Singapura pimpinan Lee Kwan Yew.

Sulaiman juga memetik ucapan Dato' Abdullah kepada keadaan Pulau Pinang dibawah pentadbiran Gerakan sekarang yang tidak menyenangkan UMNO. Menurut Sulaiman, orang Melayu tidak ada penyokong di luar dari negara ini. Dahulu British memberi perlindungan kepada orang Melayu. Kini, tegas Sulaiman, orang Melayu tidak ada jalan lain melainkan menentukan nasib masa depan mereka sendiri. Jangan harap kepada negara-negara Islam di Timur Tengah untuk membantu orang Melayu dan janganlah diperhitungkan bantuan Indonesia kerana negara itu telah begitu sarat dengan masalah rakyatnya yang kian bertambah, kata beliau.

Syed Hamid Albar, Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang, memuji Dato' Abdullah Ahmad kerana ucapannya yang memberi amaran kepada orang-orang Cina terhadap peraturan politik di negara ini. Malah beliau mempertahankan Dato' Abdullah dari desakan-desakan MCA dan Gerakan yang mendesak UMNO menyingkirkaninya dari parti itu.

"Kalau Dato' Abdullah membuat salah hanya Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang boleh bertindak terhadap beliau dan sekali-kali bukan parti-parti politik lain," kata Syed Hamid. Menurut beliau, ucapan Dato' Abdullah Ahmad itu ialah pandangan beliau sendiri dan siapapun boleh memberi pandangan mereka, termasuk MCA dan Gerakan. Ucapan pemimpin-pemimpin parti ini lebih membahaya daripada ucapan Dato' Abdullah pada masa-masa yang lepas, tegas Syed Hamid.

Kecaman terhadap ucapan Dato' Abdullah Ahmad tidak terhenti setakat seminggu dua selepas ucapan itu dibuat. Ini menyebabkan Perdana Menteri terpaksa mengeluarkan ingatan kepada parti-parti gabungan yang mengkritik DEB dan dasar-dasar UMNO.

Oleh itu berikutnya kenyataan Timbalan Presiden MCA, Dato' Lee Kim Sai di Serdang pada 23 September 1986, Dr. Mahathir telah mengingatkan parti-parti gabungan Barisan Nasional supaya mengemukakan bukti-bukti yang jelas terhadap dakwaan-dakwaan mereka yang mengatakan DEB menyeleweng dan menindas kaum Cina.

Setiausaha Agung UMNO, Dato' Seri Sanusi Junid, pula menyifatkan penentang-penentang DEB sebagai golongan 'penjenayah baru' yang ingin melihat orang Melayu mundur.

Ada pendapat yang berkata ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Republik Singapura itu berpunca dari kritikan-kritikan orang Cina sejak kebelakangan terhadap dasar-dasar UMNO dalam mentadbirkan negara ini.

Para pemimpin mereka, termasuk dari parti pembangkang, telah menjelajah ke seluruh dunia bagi menemui pelajar-pelajar Cina dan meracun fikiran mereka agar membenci pemimpin-pemimpin Melayu. Parti-parti Cina yang bergabung dengan UMNO dalam Barisan Nasional tidak melepas peluang ini dan mereka juga mengatur rancangan dan strateji bagi merebut 'undi' pelajar-pelajar Cina dari pengaruh DAP di seberang laut.

Kecaman-kecaman intelektual Cina yang dibantu oleh setengah-setengah pemimpin parti politik Cina dilihat sebagai semakin rancak dalam tulisan-tulisan mereka yang disiarkan dalam akhbar-akbar Cina dan *The Star*, iaitu satu-satunya akhbar Inggeris yang dikuasai oleh MCA. Akhbar inilah yang dicadang oleh UMNO untuk diambil alih dalam tahun 1970an melalui Dato' Abdullah Ahmad, tetapi langkah ini disekat oleh Tengku Abdul Rahman.

Perang saraf antara ahli-ahli politik Cina dan UMNO yang berjalan begitu rancak dalam akhbar-akhbar Cina dan Inggeris malangnya tidak diim-

bangi dengan liputan-liputan yang serupa dari reaksi orang Melayu dalam akhbar-akhbar Melayu atau Inggeris yang dikuasai oleh UMNO. Akhbar-akhbar tabloid Melayu yang dipunyai oleh syarikat-syarikat persendirian juga tidak memainkan peranan ini. Akibatnya, dimata dunia UMNO di-lihat sebagai parti pemerintah yang menjalankan segala macam dasar pilih kasih yang tidak menguntungkan orang Cina langsung. Malah UMNO di-anggap sebagai parti 'fascist' yang menjalankan dasar-dasar menenkan dan memaksa.

Ucapan Dato' Abdullah Ahmad di Singapura menolong orang Cina di Malaysia dan Singapura untuk membuka mata dan melihat dengan jelas perspektif sebenar asas-asas dan peraturan politik di negara kita, walaupun penjelasan ini, seperti terbukti dari reaksi kaum Cina, tidak mungkin dapat meredakan suhu perang saraf tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat penting dari ucapan Dato' Abdullah Ahmad itu ialah pemimpin Melayu harus memahami dengan mendalam peraturan atau 'ground rules' politik Malaysia. Mereka haruslah bertolak dari premis ini, apapun risiko, apapun dasar yang harus mereka gubal.

Sesiapa jua pemimpin Melayu – Mahathir, Razaleigh, Musa atau Anwar atau beliau sendiri, Dato' Abdullah Ahmad – yang menyeleweng dari premis ini akan menanggung akibat buruk. Bukan saja mereka akan menggali kubur mereka sendiri, bahkan akan bertanggungjawab terhadap kehancuran dan kemusnahan orang Melayu di negara ini.